

Jilid I
Bil. 100



Hari Rabu
2hb Disember, 1987

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 16377]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 16489]

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.55 [Ruangan 16417]

Maksud B.56 [Ruangan 16440]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.55 [Ruangan 16417]

Maksud P.56 [Ruangan 16440]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., L.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N., (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN AUAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDULTAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepata Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- „ TUAN LEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN Sm ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 2hb Disember, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Haji Basri bin
Bajuri.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Basri
bin Bajuri tidak hadir).*

LAWATAN KE LUAR NEGERI—
PERBELANJAAN

2. Tuan Law Lai Heng minta Perdana
Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kementerian beliau bagi tahun 1986 dan 1987 bagi digunakan untuk lawatan ke luar negara kita; dan
- (b) sejauh manakah hasil lawatan itu boleh menguntungkan kita dari segi ekonomi, keselamatan dan kedaulatan atau maruah negara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan
Perdana Menteri (Tuan Othman bin
Abdul):**

- (a) Perbelanjaan yang dilakukan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi maksud lawatan ke luar negeri bagi tahun 1986 ialah sebanyak \$229,423.36 dan bagi

tahun 1987 (sehingga Oktober 1987) ialah sebanyak \$51,953.51.

- (b) Hasil lawatan-lawatan yang telah dibuat ke luar negeri, antara lain, berjaya meningkatkan perhubungan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara yang dilawati. Semasa lawatan-lawatan tersebut dilakukan penumpuan adalah diberikan kepada usaha bagi meningkatkan kerjasama politik dan ekonomi, termasuk penggalakan pelaburan dan perdagangan. Usaha-usaha juga dibuat untuk mencari pasaran bagi eksport barangan negara serta menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing ke negara ini. Usaha-usaha tersebut dibuat demi kepentingan ekonomi dan pembangunan negara.

Oleh kerana lawatan-lawatan ke luar negeri juga bertujuan meningkatkan persahabatan dan perhubungan dengan negara-negara berkenaan, maka dengan cara hubungan secara langsung antara pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, maka perhubungan yang erat dapat dijalin atau diperbaharui. Cara ini dapat menghindarkan perasaan tidak senang serta mengurangkan salah faham antara kita dengan negara yang dilawati itu. Oleh itu, persefahaman yang dijalin

boleh menghapuskan unsur-unsur ancaman terhadap keselamatan negara.

Lawatan-lawatan yang dibuat ke luar negeri adalah atas jemputan yang ditawarkan oleh negara asing berkenaan yang secara langsung mengiktirafkan kedaulatan negara kita. Antara hasil-hasil lain dari lawatan-lawatan tersebut ialah peningkatan imej negara kita yang lebih positif dan mengenalkan negara-negara kita kepada pemimpin-pemimpin dan rakyat negeri-negeri yang dilawati itu. Lawatan-lawatan yang dibuat ke luar negeri mempunyai objektif-objektif yang selaras dengan dasar luar negeri untuk memupuk persahabatan dengan negara-negara asing demi kepentingan negara dari segi politik, ekonomi dan juga keselamatan.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama ialah berapa kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melakukan lawatan ke luar negeri pada tahun 1986 atau 1987. Kedua, adakah amalan biasa bagi pihak Kerajaan untuk tidak melantik sesiapa pun memangku jawatan Perdana Menteri apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke luar negeri seperti yang telah diumumkan mengenai lawatannya ke Manila untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN dan pun telah diumumkan bahawa tidak ada siapa pun untuk menjadi pemangku Perdana Menteri apabila beliau tidak ada. Kalau ini amalan biasa, kenapa tak ada orang bertugas sebagai Pemangku (acting) Prime Minister negara kita?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, perlantikan

Pemangku Perdana Menteri adalah hak kepada Perdana Menteri untuk melantik seseorang sebagai Pemangku Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Kerajaan boleh berfungsi dengan Jemaah Menteri yang sentiasa menjalankan tugas-tugas bagi mengendalikan pentadbiran negara kita ini.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan tadi bahawa lawatan-lawatan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah atas jemputan daripada negara-negara luar yang mengiktiraf tentang kedaulatan dan menghormati kita. Soalan saya, berapakah jumlah negara-negara yang membuat jemputan kepada Perdana Menteri tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita belum lagi menunaikan permintaan-permintaan tersebut ataupun jemputan-jemputan tersebut dan tahun berapa. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan bercadang untuk membuat lawatan tersebut?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, mengenai jumlah negeri-negeri yang menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melawat mereka itu, saya pohon notis kerana saya tidak ada angka-angkanya dan sememangnya hasrat kita untuk berhubung atau membuat perhubungan yang lebih rapat dengan negara-negara lain di dalam dunia ini yang mengakui atau mengiktiraf kita sebagai negara sahabat. Jadi, dengan itu kemungkinan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menerima jemputan-jemputan dah semua negara yang berhajatkan kepada hubungan yang lebih rapat dengan negara kita.

PELANCONGAN DARI TAIWAN/JEPUN

3. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan rancangan-rancangan yang telah dan akan dilancarkan oleh Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelancong-pelancong dari Taiwan dan Negeri Jepun. Adakah Kementerianya juga bercadang merombak TDC dengan memasukkan lebih banyak pegawai yang berpengalaman dalam industri pelancongan supaya prestasi TDC dapat dipertingkatkan.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Taiwan dan Jepun adalah merupakan pasaran utama yang menjadi sasaran pemasaran oleh Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) dalam strategi pemasaran bagi tahun 1987 dan 1988. Setakat ini Kementerian telah melaksanakan rancangan pemasaran di negeri Jepun dan Taiwan melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) Kempen pengiklanan;
- (b) Penggalakan;
- (c) Perhubungan Awam melalui Publisiti; dan
- (d) Penyibaran Maklumat dan juga Penerangan.

Dari segi pengiklanan, program-program telah dilaksanakan melalui rancangan-rancangan televisyen, majallah-majallah pengguna dan juga majallah-majallah perdagangan di negara-negara berkenaan. Pada tahun 1987 jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk tujuan pengiklanan di negara Jepun sahaja ialah sebanyak \$3,008,000. Manakala perbelanjaan pengiklanan bagi Taiwan pada tahun yang sama ialah sebanyak \$300,000 sahaja.

Oleh kerana Kerajaan tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Taiwan, maka usaha-usaha

promosi telah dibuat melalui kerjasama Sistem Penerbangan Malaysia, Syarikat Penerbangan China (China Airlines) dan juga pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan. Melalui kerjasama ini juga satu promosi khas telah dilancarkan di Taiwan untuk menggalakkan penduduk Taiwan bercuti di negara kita dengan mengadakan satu package istimewa. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga pada tahun 1987, 30 wartawan pelancongan Taiwan telah membuat penulisan mengenai potensi negara kita dari segi industri pelancongan untuk memuatkan di dalam media massa di Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penggalakan, Malaysia telah pun menyertai Osaka Tour Expo pada bulan Mei yang lalu, dan Malaysia telah merancang untuk menyertai Kongres JATA di Tokyo pada bulan November dan Disember tahun ini dan juga International Travel Fair, di Taipei pada bulan Disember ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seterusnya usaha-usaha seperti ini akan dilipatgandakan pada tahun 1988, terutama apabila Kementerian ini dapat peruntukan tambahan dari segi promosi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak bercadang untuk membuat apa-apa rombakan ke atas Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia kerana setakat ini Kementerian berpuas hati dengan prestasi yang di capai oleh badan tersebut, terutama dalam usaha-usaha penggalakan pelancongan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus meningkatkan kebolehan pegawai-pegawai PKPM dengan mendedahkan mereka dengan teknik-teknik baru bagi pengurusan dan pengkhususan mereka dalam bidang industri pelancongan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya ucapkan tahniah di atas usaha-usaha Yang Berhormat untuk menggalakkan pelancongan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bahawa kebanyakan pelancong-pelancong, bila dia melancong ke luar negeri, dia akan tertarik dengan sesuatu pengenalan. Contohnya, kita pergi ke Thailand, kita tahu apa pengenalan tentang negeri yang berkenaan, walaupun dia tunjuk bangunan-bangunan lama dan sebagainya, tetapi ada pengenalan yang telah diberikan untuk Thailand. Demikian juga kalau kita pergi Monte Carlo, kalau dia tunjuk pantai, semua itu adalah sebagai perhiasan, tetapi pengenalannya kita tahu apa tempatnya Monte Carlo, demikian juga tempat-tempat lain. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menjadikan sesuatu pengenalan untuk Malaysia. Selama ini kita tunjuk pantai, kita tunjuk kebudayaan-kebudayaan, semua ini adalah perhiasan, tetapi tidak ada pengenalan khusus bila orang datang ke Malaysia.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak kira apa yang negeri Siam jadikan pengenatan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau tadi. Dari segi pengenalan negara kita ialah pantai yang indah, bersih juga rakyatnya yang sentiasa berperangai baik, ertinya sentiasa menunjukkan sikap bersopan-santun. Ini pengenalan yang hendak kita kenalkan kepada pelancong-pelancong luar negeri. Selain daripada pantai, tempat-tempat penginapan di bukit-bukit dan sebagainya juga diperkenalkan. Itu pengenalan kita.

Tuan Mohammed Yusof bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada usaha-usaha yang dibuat untuk menarik pelancong daripada Taiwan dan Jepun, tidakkah Kementerian ini membuat rancangan untuk menarik pelancong-pelancong daripada Timur-Tengah yang langsung tidak ada kelihatan

sekarang? Seolah-olah mereka tidak mengetahui wujudnya Malaysia. Kalau ia, bagaimana cara kempen kita. Terima kasih.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui bahawa memang setakat ini kurang sekali promosi yang kita buat di negara-negara Timur-Tengah. Insya Allah, mulai daripada tahun hadapan, kita akan menumpukan perhatian kita kepada negara-negara Timur-Tengah, kerana kita dapati mereka juga mempunyai pelancong-pelancong yang ramai dan sekarang ini kebanyakan mereka pergi ke Eropah dan baru-baru ini beberapa penulis dari negara-negara Timur-Tengah telah dipelawa datang ke negara kita untuk menulis di dalam suratkhbar ataupun majalah-majalah yang akan diterbitkan di negara-negara Timur-Tengah.

MAJLIS PENETAPAN GAJI

4. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kementerian mempunyai cadangan untuk memanjangkan Majlis Penetapan Gaji ke Wilayah Persekutuan Labuan, jika ada, bila, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol): Buat masa ini Kementerian Buruh belum mempunyai apa-apa cadangan untuk memperluaskan perundangan mengenai Majlis Penetapan Gaji ke Wilayah Persekutuan Labuan. Walau bagaimanapun, Kementehnan Buruh akan mengkaji keadaan ini dari masa ke semasa untuk menentukan sama ada Majlis Penetapan Gaji perlu diadakan di Labuan atau sebaliknya.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Yang Berhormat untuk mengurangkan saingan untuk mendapatkan pekerjaan

di dalam sektor atau tenaga buruh (labour force) dengan izin, di antara penduduk-penduduk Malaysia atau penduduk negara ini atau penduduk tempatan dengan tenaga buruh yang terdiri daripada pendatang asing ataupun pelarian-pelarian.

Ini adalah untuk menentukan perlunya penduduk-penduduk negara ini diberi keutamaan kerana selalunya majikan lebih cenderung untuk mengambil tenaga buruh dari kalangan pendatang asing, ataupun pelarian-pelarian. Jadi, apakah tindakan Kementerian untuk mengurangkan masalah ini.

Tuan Kalakau Untol: Tuan Yang di-Pertua, dalam apa juga jenis pekerjaan, Kerajaan dalam apa juga pekerjaan memang mengutamakan pekerja tempatan. Dalam pada itu, segala jenis pekerjaan yang boleh diisi oleh orang tempatan tidak perlu kita mengambil pekerja-pekerja asing. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 5 Y. B. Dr Chen Man Hin tidak hadir)

PERTUNJUKAN HARI KEBANGSAAN— PENGLIBATAN PELAJAR

6. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah hari tidak dapat belajar bagi penuntut-penuntut yang mengambil bahagian dalam pertunjukan Hari Kebangsaan baru-baru ini. Nyatakan juga pelajar-pelajar tingkatan berapa yang terlibat. Adakah pelajaran yang tertinggal itu dapat ditampung semula dan tidakkah perbuatan ini menjejaskan mutu pembelajaran dan pencapaian penuntut dalam bidang pelajaran.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam pertunjukan Hari Kebangsaan menjalani latihan sama ada pada hujung minggu atau pada waktu pagi bagi pelajar-pelajar yang belajar di sebelah petang dan pada waktu petang bagi pelajar-pelajar yang belajar di sebelah pagi. Kadang-kadang latihan juga dibuat pada hari-hari persekolahan tetapi menggunakan waktu matapelajaran Pendidikan Jasmani.

Bagaimanapun, sewaktu latihan pusat ataupun latihan bersama dan juga sewaktu raptai, pelajar-pelajar yang terlibat telah tidak dapat belajar selama lebih kurang 10 hari. Namun begitu pihak sekolah telah pun mengadakan kelas-kelas tambahan di hujung minggu dan di waktu cuti peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran bagi menumpukan pelajaran yang tertinggal itu. Untuk pengetahuan Yang Berhonnat juga, hanya pelajar-pelajar tingkatan II dan IV sahaja yang terlibat dengan pertunjukan ini.

MAS—JUMLAH PESAWAT

7. Tuan Haji Bujang bin Ulis minta Menteri Pengangkutan:

- (a) berapakah jumlah pesawat yang kini sedang digunakan oleh MAS di seluruh negara;
- (b) berapa buahkan yang MAS bercadang hendak tambahkan;
- (c) bilakah MAS hendak menggantikan pesawat-pesawat Boeing 737 dan Fokker Friendship dengan pesawat-pesawat yang baru (walaupun jenis yang sama) kerana pesawat-pesawat tersebut adalah begitu iama dan usang; dan
- (d) benarkah beberapa buah negara memberi layanan yang tidak baik kepada MAS semasa berada di lapangan terbang Garuda dan lain-lain.

Contonhnya, SIA diberi tempat "parking" lebih istimewa di London sementara MAS tidak. Apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menentukan supaya layanan ke anak-anaktirian ini tidak berterusan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail) Tuan Yang di-Pertua, (a) Pada masa sekarang MAS mempunyai setakat tiga puluh tujuh (37) buah pesawat.

(b) Adalah di dalam rancangan MAS untuk menambahkan satu lagi pesawat jenis B747 pada tahun 1989.

(c) MAS pada masa sekarang tidak mempunyai rancangan untuk menggantikan pesawat-pesawat Boeing 737nya. Walau bagaimanapun, MAS akan menggantikan pesawat Fokker 27nya dengan pesawat Fokker 50 secara berperingkat di dalam tempoh 1989 hingga 1990. Dalam hal ini, ingin saya memaklumkan bahawa MAS sentiasa memberi perhatian yang berat demi menentukan bahawa pesawat-pesawat yang digunakan bagi perkhidmatan-perkhidmatannya adalah sentiasa selamat dan diselenggarakan dengan baik. Berkaitan dengan ini, hanya pesawat yang didapati selamat dan diselenggara dengan baik akan dikeluarkan sijil, dengan izin, air worthiness, oleh Jabatan Penerbangan Awam yang membenarkan pesawat itu untuk menjalankan penerbangan.

(d) Peruntukan tempat-tempat pendaratan ataupun, parking bay, di lapangan-lapangan terbang dibuat berasaskan kepada prinsip "first come, first served", dengan izin. Memandangkan kepada itu persoalan sama ada sesuatu syarikat penerbangan itu diberi layanan ataupun parking bay, yang lebih istimewa berbanding dengan syarikat-syarikat penerbangan lain tidaklah berbangkit.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan cadangan penambahan pesawat-pesawat kepada MAS adakah Syarikat Penerbangan tersebut bercadang akan terbang ke negara-negara rantau Pasifik seperti Papua New Guinea, Fiji, Samoa dan sebagainya, di mana negara kita mempunyai pertalian diplomatik dan mungkin kepentingan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan itu tidak berbangkit. jika hendak dijawab, boleh.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya MAS mempunyai rancangan untuk seboleh-bolehnya pergi ke semua destinasi yang ada di dalam dunia ini, tetapi ini terpaksa dilaksanakan dengan membuat perancangan dan juga membuat perjanjian dengan negara-negara dan Syarikat-syarikat Penerbangan yang berkenaan. Jadi, biasanya ini memakan masa dan buat masa ini belum ada lagi keputusan mengenai destinasi-destinasi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengenai jumlah. Ini termasuk keseluruhan negara iaitu daripada B. 747 hinggalah kepada Twin Otter dan BN, adakah itu keadaan yang sebenarnya?

Yang kedua, ialah adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kemudahan-kemudahan pembaikan di lapanganterbang-lapanganterbang utama di negara ini selain daripada di Kuala Lumpur dan juga Pulau Pinang, kerana saya berpengalaman satu ketika dahulu bahawa semasa kapalterbang hendak mendarat di Kuching, tiba-tiba sebelum mendarat "technical fault", dengan izin, berlaku dan Captain (pemandu) memberitahu bahawa kita terpaksa balik ke Singapura untuk memperbaiki kapalterbang itu dan

oleh kerana tidak dapat apa-apa pembaikan di Singapura terpaksa balik ke Kuala Lumpur, dan kami terpaksa berpindah kapal terbang lain di Kuala Lumpur untuk pergi ke Kuching, sampai di Kuching lebih kurang 7.30 pagi esoknya. Jadi adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan kemudahan pembaikan di tiap-tiap lapangan terbang utama di negara ini supaya dapat dibaiki apa yang rosak itu.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, jumlah seperti saya kata tadi 37 pesawat yang dipunyai oleh MAS iaitu terdiri daripada B.747 sebanyak 3 buah, DC10 3 buah, Air Bus 4 buah, B.737 12 buah, Fokker 27 11 buah dan Twin Otter 4 buah. Jumlah ini akan ditambah lagi mengikut perancangan 1989-1990 dengan apa yang saya katakan tadi, iaitu mengadakan B.747 jenis 400 dan juga F.50.

Yang keduanya mengenai kemudahan pembaikan, memang ada kemudahan pembaikan itu disemua lapangan terbang, tetapi ia bergantung kepada darjah kerosakan itu. Kalau sudah terlalu rosak, mungkin agaknya di Kuching kemudahan yang itu tak ada. Oleh kerana itulah berlaku perkara seperti Yang Berhormat alami itu. Saya rasa kesallah Yang Berhormat mengalami perkara tersebut. Ini tidak dapat dielakkan, kadang-kadang.

RAFFLESIA FLOWER (BUNGA PAKMA)

8. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar akan kewujudan di Ulu Groh, Gopeng sejenis bunga yang terbesar di dunia, iaitu Rafflesia Flower (Bunga Pakma); dan

(b) sama ada beliau bercadang mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memelihara dan melindungi bunga ini, memandangkan bahaya bunga itu terhadap.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini telah dijawab oleh saya pada hari Jumaat yang lalu, apabila soalan ini dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng semasa membahaskan peruntukan Kementerian saya di peringkat Jawatankuasa.

Saya tiada apa-apa lagi hendak tambah.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JURUTERA BANGSA INDIA DI SABAH POREST INDUSTRIES

9. Tuan Shing Yin Shean minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah jurutera berbangsa India (expatriate) yang bekerja dengan Sabah Porest Industries (Sipitang, Sabah) mendaftar dengan Lembaga Kejuruteraan di bawah Akta Pendaftaran Kejuruteraan 1977 dan sama ada Kementerian beliau akan mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak mendatar dengan Lembaga tersebut dan sama ada Kementerian beliau akan mengurangkan bilangan "expatriate" bekerja di Malaysia oleh kerana negara ini menghadapi masalah pengangguran yang serius. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa setakat ini seramai 20 orang jurutera berbangsa India telah diambil bekerja oleh Sabah Porest Industries. Kesemua jurutera tersebut tidak berdahar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

Kementerian Kerjaraya telah mengarahkan Sabah Forest Industries supaya mengambil tindakan untuk mendaftarkan mereka dengan Lembaga Jurutera Malaysia secepat yang mungkin. Jurutera-jurutera asing yang tidak berkelayakan menurut Akta Pendaftaran Jurutera 1967, adalah tidak dibenarkan untuk bekerja di negara ini.

Di samping itu juga tindakan akan diambil oleh Kementerian Kerjaraya untuk mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Jmigresen Negeri Sabah supaya mengambil tindakan sewajarnya mengenai pemberian, dengan izin, "permit" kerja kepada mereka yang enggan mendaftarkan diri dengan Lembaga Jurutera Malaysia.

Mengenai tindakan mengurangkan bilangan rakyat asing yang bekerja di negara ini, Kementerian Kerjaraya akan berusaha untuk mengurangkan bilangan orang asing yang bekerja di negara ini kecuali bagi jawatan-jawatan yang diperlukan di mana kepakaran di bidang tertentu tidak diperolehi atau tidak mencukupi di negara ini.

SEKATAN JALANRAYA

10. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan ada setengah-setengah negeri dalam Malaysia seperti di negeri Terengganu sentiasa 24 jam sekatan jalanraya tidak kecuali masa sudah bertahun lamanya tak ubahlah seperti masa darurat. Apakah sebab-sebabnya dan kenapakah di negeri Terengganu sahaja sedemikian sedangkan di negeri-negeri lain hanya berlaku di masa-masa yang tertentu sahaja.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob); Tuan Yang di-Pertua, sekatan jalanraya yang dijalankan oleh pihak Polis mempunyai banyak tujuan, di

antaranya ialah sebagai langkah pencegahan berbagai jenis kegiatan jenayah. Bagi negeri Terengganu hanya terdapat satu sahaja sekatan jalanraya yang diadakan berterusan sejak bulan Mac 1987, iaitu di Guntung dalam Daerah Besut.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekatan jalanraya ini dianggotai oleh LPN dan Polis yang bertujuan untuk mencegah kegiatan penyeludupan beras.

PENGUNDIAN WAJIB DALAM PILIHANRAYA NEGERI/ PARLIMEN

11. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk memperkenalkan pengundian wajib dalam Pilihanraya Negeri dan Parlimen, jika tidak, mengapa. Sama ada Kerajaan akan menimbang selaras dengan amalan demokrasi berparlimen untuk memperkenalkan Pilihanraya bagi kedua-dua Dewan Negara dan semua Majlis Perbandaran Daerah, jika tiada, mengapa.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan pengundian dalam pilihanraya Parlimen dan Negeri di negara ini.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen, rakyat haruslah diberikan kebebasan penuh untuk mengambil bahagian di dalam pilihanraya atau sebaliknya. Tindakan memaksa rakyat untuk mengundi bukan sahaja menyusahkan mereka, tetapi juga membawa angkara kepada pentadbiran dalam menguatkuasakan undang-undang. Jika membuang undi diwajibkan maka terpaksa pula diadakan undang-undang dan hukuman yang perlu dikuatkuasakan. Sekiranya terdapat rakyat yang tidak

keluar mengundi besar bilangannya, maka masalah penguatkuasaan itu akan timbul dan terpaksa suatu undang-undang diperkenalkan bagi membawa mereka ke hadapan pengadilan.

Kerajaan juga tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya bagi Dewan Negara dan Majlis-majlis Perbandaran/Daerah. Sistem melantik ahli-ahli seperti yang diamalkan sekarang tidak perlu diubah dan didapati memuaskan.

Tuan Mohamad bin Haji Isa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sekejap tadi kita telah mendengar Setiausaha Parlimen mengatakan Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pengundian yang wajib bagi pengundi-pengundi di dalam semua pilihanraya. Dalam pada itu saya ingin tahu oleh kerana setiap kali pilihanraya kita dapati ramai pengundi-pengundi yang tidak mendaftarkan diri sebagai pengundi, terutama sekali di Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar besar.

Saya ingin tahu adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mewajibkan pendaftaran pengundi kepada orang-orang yang telah cukup umur sebagai pengundi.

Tuan Othman bin Abdul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan juga tidak bercadang untuk mewajibkan pendaftaran pemilih untuk mengundi di dalam pilihanraya, kerana inilah kesedaran dan tanggungjawab seluruh rakyat terhadap negara ini dengan mengamalkan tradisi untuk memilih secara demokrasi mendaftarkan diri mereka sebagai pemilih seperti yang dijalankan setiap tahun, pengumuman untuk mendaftarkan pengundi-pengundi ini dijalankan setiap tahun oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

STESEN HIDRO KECIL

12. Tuan James Jimbun anak Pungga minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan rancangan yang dirancang oleh Kementerian untuk membina mini stesen hidro bagi kawasan di Bahagian Kapit, Sarawak.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa sekarang Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak (SESCO) bersama-sama dengan Japan International Corporation Agency (JICA) sedang membuat kajian kemungkinan membina stesen hidro kecil di Bahagian Kapit di Sg. Mukoh di Negeri Sarawak. Kemungkinannya ialah stesen tersebut boleh menjana 3 megawatt tenaga elektrik untuk menggantikan stesen diesel di Kapit.

Tujuan stesen hidro kecil ini ialah untuk membekalkan tenaga elektrik di Pekan Kapit. Kajian ini akan tamat pada awal tahun depan dan untuk perancangan seterusnya dalam masa 5 tahun yang akan datang.

SEKOLAH RENDAH—SYARAT PENUBUHAN

13. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) syarat-syarat yang diperlukan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan; dan
- (b) perbezaan syarat berbanding dengan penubuhan Sekolah Rendah Kebangsaan.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah sekolah adalah berdasarkan kepada keperluan menyeluruh yang wujud di

sesuatu kawasan itu, setelah kita mengambilkirakan beberapa perkara. Di antaranya ialah:

- (i) Tidak terdapatnya sekolah di kawasan yang berkenaan dan kawasan-kawasan yang berhampiran;
 - (ii) Sekolah-sekolah yang wujud tidak boleh menampung pertambahan murid-murid di kawasan tersebut itu;
 - (iii) Tidak ada rancangan untuk menambahkan bangunan-bangunan atau bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah yang wujud di kawasan yang Berkenaan itu; dan
 - (iv) Mengikut keadaan kewangan yang ada.
- (b) Tidak terdapatlah perbezaan syarat untuk menubuhkan Sekolah Rendah Kebangsaan Kerajaan berbanding dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam kawasan saya taitu Bandar Kuching tidak ada sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan yang telah ditambah sejak kemerdekaan dalam 24 tahun lalu walaupun bilangan penduduk-penduduk telah bertambah beberapa kali ganda.

Soalan saya, kenapa tidak ada, adakah pihak Kerajaan mengkaji keadaan ini mengenai bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan di Bandar Kuching.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, adakah soalan ini bahawa adakah Kerajaan yang mengkaji keadaan.

Tuan Sim Kwang Yang: Mengkaji dan jika boleh membina sebuah sekolah baru di tahun hadapan, kalau boleh.

Dr. Leo Michael Toyad: Insy Allah (*Ketawa*),

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan berkenaan sekolah-sekolah rendah. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sekolah-sekolah rendah hari ini memandangkan kepada murid-murid ada di antara setengah-setengah tempat misalnya sekolah rendah ada sebuah di situ sejak dahulu-dahulu lagi, sejak zaman British dahulu lagi. Kemudian hingga sampai sekarang digunakan sekolah itu juga, cuma ditambah dibesarkan sedikit, didapati penduduk-penduduk hari ini kanak-kanak sekolah ada di antaranya tinggat sampai tiga batu, empat batu. Jadi terpaksa raereka pergi berulang alik ke sekolah itu dengan naik bas ataupun basikal dan sebagainya.

Kemudian tempat-tempat mereka tinggal itu amat patut dan munasabah kita mengadakan sekolah rendah satu atau dua lagi tetapi masih bertumpu sekolah di situ juga. Maka hari ini

Tuan Yang di-Pertua: Sdalannya Yang Berhormat, panjang sangat itu.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Soalannya boleh atau tidak Kerajaan mengadakan sekolah-sekolah di tempat-tempat yang berbilangan murid yang begitu banyak sekiranya tidak boleh kerana tidak cukup belanja adakah boleh pihak swasta ataupun orang-orang kampung dengan bantuan masing-masing hendak mengadakan sekolah rendahnya sendiri dan sekiranya boleh bagaimanakah syarat-syaratnya.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan

Ahli Yang Berhormat itu tadi, syarat-syaratnya memang panjang, saya minta notis juga tetapi di mana kawasan-kawasan yang masih kita menghadapi masalah di mana bilangan murid-murid kita bertambah dengan pesat, memang di dalam rancangan Kerajaan untuk menambahkan kemudahan-kemudahan bilik darjah dan kemudahan-kemudahan untuk menambahkan tempat kanak-kanak murid-murid kita bersekolah dan belajar. Tetapi di mana keadaan kita tidak mampu atau di masa kini kita belum dapat menambahkan kemudahan-kemudahan fizikal, kita mengadakan sekolah berdua sesi atau sekolah pagi dan petang.

DEMAM BERDARAH KOREA

14. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimana penyakit "Demam Berdarah Korea" mula dikesan di Malaysia dan apakah langkah-langkah diambil bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan ini telah pun diberi secara lengkap, apabila menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib pada 24hb November, 1987. Tidak ada apa yang hendak saya menambah kepada jawapan itu.

PELAN INDUK PELANCONGAN UNTUK SABAH

15. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (i) sama ada Pelan Induk Pelancongan untuk Sabah, khususnya di Kota Kinabalu, telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan;

- (ii) sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil dan masa yang diperlukan membangunkan Kota Kinabalu menjadi sebuah bandaraya yang dilengkapi dengan berbagai jenis kemudahan hiburan bagi menarik pelancong-pelancong; dan
- (iii) apakah jenis kemudahan hiburan yang dikenalpasti dalam Petan Induk Pelancongan (Tourism Masterplan).

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kajian Pelan Induk Pelancongan untuk Negeri Sabah yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dalam tahun 1980 telah pun dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan.

Kerajaan Persekutuan telah mengambilkira cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh kajian ini dalam menyediakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Projek-projek yang dicadangkan oleh Kajian ini yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima ialah Pusat Pelawat di Kota Kinabalu yang dianggarkan berharga \$4 juta.

Kerajaan Negeri Sabah juga telah mengambilkira perakuan-perakuan di dalam Pelan Induk ini dan setakat ini telah melaksanakan beberapa projek termasuk sebuah hotel di Tanjung Aru seperti yang dicadangkan oleh kajian yang berkenaan.

- (ii) Walaupun projek yang dikenalpasti dalam kajian Pelan Induk berkenaan telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi oleh kerana keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan maka projek-projek ini telah ditunda sehinggalah kesuatu masa di mana keadaan ekonomi bertambah baik. Namun begitu, satu kajian Komprehensif Pembangunan Pelancongan Kebangsaan sedang dilaksanakan oleh satu pasukan pakar perunding melalui bantuan luar dari negara Jepun. Kajian ini juga akan mengenalpasti dan mengkaji semula tarikan dan kemudahan pelancong di Sabah untuk dijadikan asas dalam pembangunan industri pelancongan negara seterusnya.
- (iii) Jenis kemudahan hiburan yang dikenalpasti dalam Pelan Induk Pelancongan Sabah 1980 adalah pusat-pusat pertunjukan kesenian, kegiatan-kegiatan rekreasi laut yang berkaitan dengan pulau-pulau yang cantik di negeri berkenaan, kegiatan mendaki Gunung Kinabalu dan pengembaraan di kawasan-kawasan pendalaman di Sabah yang terkenal dengan keindahan alam semulajadinya.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mengintegrasikan rancangan untuk memajukan pelancongan di Sabah dan Sarawak bersama-sama dengan Negeri Brunei oleh kerana kebanyakan pelancong-pelancong yang melancong ke Kuala Lumpur selepas mereka datang ke Kuala Lumpur mereka tidak mempunyai

wang ataupun masa untuk melancong ke Negeri Sabah dan Sarawak. Jadi oleh kerana itu adalah menguntungkan industri pelancongan di Sabah dan Sarawak kalau dapat Kementerian mengintegrasikan pelancong kedua-dua Negeri Sabah dan Sarawak bersama-sama dengan Negeri Brunei, dan sama ada Kementerian mempunyai rancangan ataupun telah berbuat demikian.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan, malah sedang dilaksanakan untuk mengambilkira lawatan pelancong-pelancong ke Sabah dan Sarawak, tetapi Brunei adalah masalah lain, sebab ia bukan dalam negara Malaysia.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan Pelan Induk Pelancongan untuk Sabah, saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian Pelancongan membuat rancangan, iaitu Pulau Labuan sekarang ini kita lihat tidak pun begitu elok, padahal tempat dan pulau itu indah. Bagaimanakah rancangan akan diadakan?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pelan induk yang sedang dirangka ini melalui bantuan dari negeri Jepun akan meliputi seluruh negara, termasuk Labuan dan laporan ini akan kita dapat di dalam bentuk yang sudah siap dalam tahun 1988, kira-kira bulan Ogos ataupun September.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin buat soalan tambahan. Di Semenanjung ini terdapat beberapa tasek yang telah dibina, seperti Empangan Temenggor, Kenyir, Bukit Merah, di kawasan saya Tasek Chenderoh. Adakah Kementerian ini bercadang untuk menjadikan empangan yang cantik ini sebagai pusat pelancongan yang boleh

menarik sesuai untuk penduduk-penduduk tempatan dan pelancong-pelancong daripada luar negeri.

Dato¹ Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang ada, malah di Empangan Kenyir kerja-kerja permulaan telah pun ditender supaya tasek tersebut akan dibersihkan dan selepas itu pembinaan-pembinaan, kemudahan-kemudahan lain akan dijalankan supaya ianya menjadi tempat pelancongan. Begitu juga di tasek-tasek lain seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat pembedaan sedikit, iaitu (a) selepas "Kuala Lumpur" iaitu "Kelang", tertinggal ayat itu.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 16.

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR— KELANG

16. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapakah belanja pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur—Kelang yang sekarang ini telah lama siap; dan
- (b) tidakkah boleh pihak Kerajaan mengecualikan kutipan Tol dan membatalkan sahaja rancangan itu kerana memandangkan lebuhraya tersebut telah siap lebih lama dari lebuhraya-lebuhraya baru yang dikenakan tol sekarang ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Perbelanjaan pembinaan Lebuhraya Persekutuan di

Kuala Lumpur Kelang adalah sebanyak \$191,150,311.

- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk mengecualikan atau membatalkan rancangan untuk membuat kutipan tol di lebuhraya tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Persekutuan di Kuala Lumpur Kelang sedang mengalami kesesakan lalu lintas disebabkan pembangunan yang pesat di sekitar lebuhraya tersebut yang telah menyebabkan lebuhraya itu mencapai tahap penggunaan yang maksima. Oleh yang demikian, Kerajaan bercadang untuk melebarkan lebuhraya tersebut, iaitu dari 4 lorong kepada 6 lorong dari Subang Jaya ke Kelang supaya kesesakan di lebuhraya itu akan dapat diatasi atau dikurangkan.

Kos kerja-kerja penglebaran tersebut adalah dianggarkan sebanyak lebih kurang \$28 juta. Memandangkan penglebaran lebuhraya tersebut adalah merupakan sebahagian daripada projek yang akan di-swastakan, kutipan tol terpaksa dilaksanakan bagi membolehkan pelaburan bagi projek tersebut diterima balik oleh pihak swasta yang akan mengendalikannya.

Sukacita saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kadar tol yang akan dikenakan itu adalah munasabah dan berpatutan dengan kemudahan yang akan diperolehi oleh pengguna-pengguna lebuhraya tersebut. Pengguna-pengguna bukan sahaja akan dapat memandu di lebuhraya yang lebih lebar dan selesa, malahan juga akan dapat menjimatkan petrol dan masa perjalanan.

Tuan S. S. Subramaniam: Soalan tambahan. Dengan perbelanjaan anggaran hanya \$28 juta untuk pembesaran jalan daripada Kuata Lumpur ke Kelang ini, saya ingin

dapat tahu sebab apa satu perbelanjaan yang begitu kurang kita kehendaki penswastaaan, satu jalan yang begitu penting sebagai satu "artery" antara Kuala Lumpur dan Kelang.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan dalam jawapan saya bahawa rangkaian lebuhraya tersebut telah dimasukkan dalam satu rancangan "package" keseluruhan penswastaaan lebuhraya di negara ini, maka kutipan tol terpaksa dikenakan juga.

Datin Paduka Hajjah Rahimah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha Kementerian ini untuk memberi kemudahan kepada rakyat di seluruh negara, saya ingin bertanya adakah Kementerian berkenaan berbincang untuk mewujudkan tol-tol ini di kawasan-kawasan dan tempat-tempat tertentu dengan Kerajaan-kerajaan Negeri?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya.

PEMBAKARAN MASJID

17. Dato'Haji Kamaruiman bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sanja ada benar atau tidak, bahawa baru-baru ini terdapat beberapa buah masjid telah dibakar oleh orang-orang yang tidak diketahui, jika benar, nyatakan:

- (a) berapa buah masjid yang dibakar;
- (b) berapa jumlah kerugian yang dialami; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat kejadian ini supaya tidak berulang lagi.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 5 buah masjid telah dibakar, iaitu:

Masjid Kampung Temai Tengah, Pekan;

Masjid Kampung Serambi, Pulau Manis, Pekan;

Masjid Kampung Kuala Triang, Temerloh;

Masjid Kampung Bohor, Temerloh; dan

Masjid Kampung Nyiak, Temerloh.

Sementara itu pula, anggaran kerugian adalah sebanyak \$285,000.

Mengenai langkah-langkah keselamatan, pihak Polis ada membuat rondaan untuk mengesan dan mencegah jenayah termasuk di kawasan-kawasan masjid. Di samping itu, pihak Jawatankuasa Keselamatan Daerah telah juga menasihatkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung agar sentiasa membuat kawalan yang sewajarnya di masjid-masjid dan di kawasan mereka. Selain daripada itu, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah juga mengeluarkan arahan kepada semua Jawatankuasa Masjid supaya mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan tidak berlaku kejadian pembakarao masjid. Oleh kerana masjid-masjid ini terletak di merata-rata tempat, maka kerjasama daripada masyarakat setempat adalah diperlukan untuk sama-sama mengawasi keselamatan masjid-masjid tersebut.

Dato Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada penyiasatan Polis yang telah dijalankan apakah satu kesimpulan boleh dibuat sama ada pembakaran masjid-masjid ini adalah dilakukan oleh orang-orang perseorangan secara berasingan ataupun adakah ini menunjukkan satu "patent" bahawa

masjid-masjid ini dibakar oleh kumpulan-kumpulan yang tertentu.

Soalan kedua, daripada siasatan tersebut adakah pihak Polis dapat mengesan sebab-sebab ataupun motif pembakaran itu berlaku dan adakah ini terlibat dengan sebab-sebab politik.

Soalan ketiga, dalam usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Polis untuk mencegah kebakaran ini berlaku di masa-masa yang akan datang, adakah pihak keselamatan mengenakan syarat supaya pembinaan masjid-masjid di masa-masa yang akan datang dirujuk kepada Majlis Keselamatan Dalam Negeri untuk memberi satu pandangan atau cadangan supaya masjid-masjid ini akan lebih terkawal di masa-masa yang akan datang. Misalannya, dirikan rumah-rumah Imam atau pegawai-pegawai masjid di dalam kawasan masjid-masjid tersebut sebagai menjaga keselamatan masjid-masjid yang berkenaan.

Dato* Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama dan kedua eloklah saya rangkumkan.

Seperti mana yang telah saya jawab di dalam Dewan yang mulia ini pada 19hb Oktober, 1987, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan Kerajaan setakat ini telah menghasilkan beberapa makluman yang berkaitan dengan pembakaran masjid di kawasan-kawasan dan di tempat-tempat yang saya telah nyatakan tadi. Namun demikian, pihak Kerajaan ataupun Polis, setakat ini, tidak boleh lagi memaklumkan pada waktu ini kerana kita tidak mahu ia akan menjejaskan siasatan lanjut yang sedang dijalankan oleh pihak Polis kerana kita hendak mengetahui dengan pastinya siapakah yang benar-benar bertanggungjawab di atas perkara ini.

Tentang soalan yang ketiga, pihak Polis akan mengambil berat di atas

perkara ini dan membincangkan dengan pihak Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan juga Jabatan Agama Negeri, adakah keperluan-keperluan yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sungguh perlu bagi menjaga keselamatan masjid-masjid.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang beliau nyatakan tadi iaitu siasatan Polis telah membuktikan bahawa kesan-kesan telah didapati. Maka saya ingin bertanya adakah ini boleh dimasukkan sebagai penjenayah ataupun bukan penjenayah. Jika ya penjenayah, bolehkah dihukum dan apakah hukuman yang patut diberikan kepada mereka sebagai penjenayah ini? Itu soalan pertama.

Soalan yang kedua, sejak negara mencapai kemerdekaan adakah telah berlaku pada masa-masa silam pembakaran masjid seperti yang berlaku baru-baru ini?

Soalan yang ketiga, kenapakah perkara ini didapati pihak Kerajaan "diam-diam" sahaja, tidak begitu sangat menghebahkan, tidak seperti menghadapi perompak bank dan sebagainya, sedangkan kalau ada perompak misalnya di sana sini ada road-block, dengan izin, dan sebagainya, tetapi mengenai pembakaran masjid ini rasa saya lebih besar lagi daripada rompakan bank dari segi syiar Islam, menjatuhkan maruah negara dan menjatuhkan maruah orang-orang Islam dalam negara ini dan memalukan ke seluruh negara-negara Islam. Apakah sebab-sebabnya yang pihak Kerajaan "mendiam-diamkan" diri sahaja tentang perkara ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin rangkumkan soalan pertama dan soalan ketiga oleh kerana

seperti mana saya katakan tadi kita terpaksa melakukan siasatan secara diam-diam, dengan sebab itu kita belum lagi boleh mentafsirkan adakah ini jenayah ataupun sebaliknya, sehinggalah kita dapat memaklumkan kepada orang ramai keputusan yang telah pun dibuat kepada siasatan itu.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat maklum bahawa negara ini adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk yang berbagai-bagai agama, berbagai-bagai latar belakang dan berbagai-bagai kebudayaan. Soal agama adalah soal yang cukup sensitif di negara ini. Kalau kita tersilap cakap, tersilap memberi maklumat, maka perkara-perkara yang buruk akan berlaku kalau dibandingkan dengan mengisytiharkan tentang penjenayah yang telah pun merompak bank dan sebagainya.

Jadi, dengan kerana sensitifnya masalah ini, maka itulah sebabnya kita terpaksa menjalankan siasatan dengan begitu rapi, dengan begitu senyap dan sunyi sehinggalah satu keputusan yang muktamad daripada kajian Polis dapat dibuat, barulah kita dapat mengisytiharkan kepada masyarakat ramai.

Tentang perkara kedua adakah pernah ini berlaku, saya minta maaf Ahli Yang Berhormat, kerana saya terpaksa rujuk kepada sejarah masjid dalam negara ini.

BAYARAN TOL MENURUNKAN

18. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah rancangan untuk menurunkan kadar bayaran tol bagi kenderaan bas dan teksi.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk menurunkan kadar tol bagi kenderaan bas dan teksi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah pun menurunkan kadar tol bagi kenderaan bas dan teksi mulai 1hb Oktober, 1987 yang lalu seperti berikut:

| Jenis Kenderaan • | Kadar Lama: | Kadar Baru - |
|-------------------|---------------------|----------------------|
| (i) Bas | 10 sen se kilometer | 5 sen se kilometer |
| (n) Teksi | 5 sen se kilometer | 2V5 sen se kilometer |

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chua Jui Meng.

(Soalan No. 19 Y.B. Tuan Chua Jui Meng tidak hadir).

GURU BAHASA CINA/TAMIL-KEKURANGAN

20. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan guru-guru bahasa Cina dan Tamil.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah, sedang dan juga akan mengambil langkah-langkah mengatasi kekurangan guru-guru bahasa Cina dan Tamil. Ini dilakukan dengan menempatkan guru-guru bahasa Cina dan Tamil yang terlatih untuk mengajar bahasa-bahasa tersebut secara sepenuh masa di sekolah-sekolah.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga bercadang untuk menambahkan bilangan pengambilan guru-guru bahasa Cina dan Tamil dari semasa ke semasa bagi mengikuti kursus latihan perguruan.

Kementerian Pendidikan juga ada menggunakan guru-guru beredar (itinerant teachers) untuk mengajar bahasa-bahasa tersebut seandainya terdapat kekurangan yang terdesak bagi guru-guru bahasa Cina dan Tamil di sekolah-sekolah. Ini dapat dibuktikan dengan bertambahnya

bilangan murid-murid yang mengambil bahasa Cina dan Tamil dari setahun ke setahun.

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan kekurangan guru-guru sekolah Tamil, saya diberitahu bahawa syarat masuk menjadi Pelatih Guru Tamil iaitu terlalu ketat iaitu mesti mendapat Kredit dalam Bahasa Malaysia dan juga bahasa Tamil. Jadi sebagai satu langkah untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru bahasa Tamil itu, adakah pihak Kementerian bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat yang ketat itu iaitu syarat mendapat Kredit itu?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa kita ada menghadapi masalah kekurangan tenaga guru dalam bahasa-bahasa tersebut tetapi dengan cara-cara tertentu kita berusaha untuk mempertahankan supaya taraf pendidikan dalam bahasa-bahasa yang berkenaan dapat terus diwujudkan.

Pada fikiran saya bahawa dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu tadi dengan melonggarkan syarat itu, kita tidaklah dapat mempertimbangkan, kerana kita tidak harus mengorbankan taraf pendidikan kita semata-mata untuk mengisikan kekosongan jawatan-jawatan, kerana walaupun mungkin di dalam mata pelajaran ini sahaja tetapi juga dalam mata-mata pelajaran yang lain, kerana usaha dan matlamat kita untuk memberikan perkhidmatan dan pendidikan yang unggul kepada anak-anak murid dan generasi muda kita.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapat tahu hingga masa kini masih lagi terdapat lebih kurang 2,000 guru-guru sementara di sekolah-sekolah Tamil dan saya ingin mendapat tahu sebab apa kita masih menggalakkan untuk mengadakan guru-guru sementara dan apakah

tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menyempurnakan perkhidmatan mereka?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan ini bahawa kekurangan guru memang menjadi masalah yang kita hadapi dari masa ke semasa. Tetapi langkah-langkah telah dibuat dan diambil seperti yang telah saya nyatakan dan untuk memperbaiki perkhidmatan mereka dan kita adakan juga kursus-kursus untuk guru-guru sandaran yang hanya untuk kita menampung dari masa ke semasa. Kekurangan kakitangan kita dalam bidang perguruan ini adalah kerana berbagai faktor dan kita anggap antara faktor-faktor itu adalah seperti di mana kita ada kekosongan tetapi tiada orang yang ingin menjadi pendidik dan juga kekurangan dalam bidang-bidang yang tertentu dan khusus untuk mata-mata pelajaran yang tertentu.

KASINO DI PULAU TIOMAN

21. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan benarkah Kerajaan telah meluluskan permohonan dari Faber Merlin untuk membina kasino di Pulau Tioman. Kalau benar tidakkah ini bercanggah dengan resolusi Perhimpunan Agung UMNO tahun 1983 yang meminta Kerajaan mengharamkan semua bentuk judi. Benarkah pada mulanya kasino itu hendak dibina di Pulau Langkawi, tetapi Kerajaan takutkan sumpah Mahsuri ia dialihkan ke Pulau Tioman

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato Haji Sabbaruddin Chik); Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah meluluskan permohonan daripada Faber Merlin atau dari mana-mana syarikat untuk menjalankan kasino di Pulau Tioman. Kerajaan juga tidak bercadang untuk meluluskan perjalanan kasino di Pulau Langkawi.

PELABUHAN SEMPORNA

22. Dato Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kewangan menerangkan sama ada Kementerian beliau menyedari bahawa pelabuhan dan kastam daerah Semporna sudah tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana rosak dan buruk. Jika ya, adakah Kementerian beliau bercadang untuk memperbaiki pelabuhan dan kastam tersebut.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelabuhan Semporna adalah di bawah bidang kuasa pentadbiran oleh Kerajaan Negeri Sabah. Dengan hal yang demikian maka sebarang cadangan untuk membaiki pelabuhan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Mengenai Pejabat Kastam, Tuan Yang di-Pertua, di pelabuhan tersebut ianya masih memuaskan dan masih digunakan oleh Jabatan Kastam.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada dua minit lagi. Yang Berhormat Tuan Zubir bin Embong.

(Soalan No. 23 Y. B. Tuan Zubir bin Embong tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

(Soalan No. 24 Y. B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Berbalik kepada soalan No.1. Yang Berhormat Tuan Haji Basri bin Bajuri.

KEMPEN BAHASA ARAB

1. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Bahasa Arab adalah lebih penting daripada Bahasa Inggeris terutama di kalangan penduduk Melayu khususnya di luar bandar. Oleh yang demikian saya

ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menganjurkan Kempen Bahasa Arab serta menubuhkan Kelab-kelab Bahasa Arab di semua sekolah-sekolah menengah khususnya di luar bandar.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedar betapa pentingnya bahasa Arab bagi rakyat yang beragama Islam sebagai bahasa ilmu pengetahuan terutama yang menyentuh pengetahuan yang berkaitan dengan agama Islam. Walau bagaimanapun Kementerian tidak hercadang untuk menganjurkan kempen bahasa itu dan menubuhkan Kelab-kelab Bahasa Arab di semua sekolah-sekolah menengah kerana Bahasa Arab tidak diajar di sekolah-sekolah menengah bantuan penuh Kerajaan kecuali di sekolah-sekolah berasrama penuh dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Pada masa sekarang Kementerian Pendidikan tidak mampu mengadakan mata pelajaran Bahasa Arab di semua sekolah menengah kerana kekurangan guru bahasa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 19, 23 dan 24 adalah diberi di bawah ini)

MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN

5. **Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa larangan merokok tidak dijalankan dalam kawasan yang tertutup (enclosed public area) seperti dewan, bas, keretapi, bilik menunggu serta auditorium memandangkan asap rokok telah dibuktikan boleh membahayakan kesihatan penghisap rokok dan orang yang tidak merokok.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian berat terhadap merokok dan masalah-masalah kesihatan yang berkaitan dengannya. Berbagai aktiviti anti merokok telah diadakan sama ada secara sendirian ataupun melalui kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan juga dengan agensi-agensi bukan Kerajaan. Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah meningkatkan pengetahuan orang ramai terhadap bahaya merokok melalui ceramah-ceramah, pameran, poster-poster, risalah-risalah dan beberapa kempen anti merokok di mana larangan merokok di tempat-tempat tertutup adalah diberi tekanan yang kuat.

Selain daripada usaha-usaha Kementerian Kesihatan, beberapa agensi Kerajaan yang lain ada juga mengadakan undang-undang atau arahan untuk melarang orang ramai menghisap rokok di tempat-tempat yang tertutup, misalnya:

- (1) Di bawah "Enekmen Panggung dan tempat-tempat hiburan awam, 1936—Kaedah-kaedah Bandaraya Kuala Lumpur (Larangan menghisap rokok), 1972" yang sedang dikuatkuasakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, orang ramai tidak dibenarkan merokok di dalam sesuatu panggung.
- (2) Mengikut Kaedah (15 (c), di dalam Public Service Vehicles (Licensing and Conduct of Drivers, Conductors and Passengers) Rules, 1959 yang sedang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, pemandu, kondakter atau penumpang sesebuah kenderaan perkhidmatan awam tidak dibenarkan merokok.

(3) Pihak Keretapi Tanah Melayu juga melarang orang ramai merokok di semua koc-koc berhawa dingin dan di semua tempat bertutup di stesyen-stesyen keretapi dan bangunan kepunyaan keretapi.

(4) Bahagian Kabinet, Jabatan Perdana Menteri telah pun mengeluarkan Surat Pekeliling Am Bil. 12 bertarikh 17hb Ogos 1982 yang di antara lain melarang pegawai-pegawai Kerajaan dan orang ramai menghisap rokok di tempat-tempat yang tertentu.

Kempen-kempen ini akan diteruskan.

PENUTUPAN SEKOLAH-SEKOLAH

19. **Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa buah SRJK (C) dan SRJK (T) telah ditutup semenjak tahun 1960. Jika ada, di mana dan sebab-sebab sekolah tersebut ditutup.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat yang dapat dikesan jumlah sekolah SRJK (C) dan SRJK (T) yang ditutup semenjak 1960 adalah seperti berikut:

Sekolah Yang Ditutup Sejak 1960

| <i>Negeri</i> | <i>SRJK (C)</i> | <i>SRJK (T)</i> |
|------------------------|-----------------|-----------------|
| Perlis | — | — |
| Kedah | — | 7 |
| Pulau Pinang | — | 1 |
| Perak | 1 | 22 |
| Selangor | — | 7 |
| W. Persekutuan .. | 5 | — |
| Negeri Sembilan .. | 2 | 2 |
| Melaka.. .. | — | — |
| Johor | 13 | 40 |
| Pahang. | 5 | 1 |
| Terengganu | 2 | 1 |

| <i>Negeri</i> | | <i>SRJK(C)</i> | <i>SRJK(T)</i> |
|----------------|----|----------------|----------------|
| Kelantan | — | 1 | |
| Sabah | 5 | — | |
| Sarawak | 17 | — | |
| Jumlah .. | — | 82 | — |

Secara amnya, penutupan sekolah-sekolah yang tersebut adalah disebabkan oleh:

- (i) Pemecahan ladang-ladang (fragmentation)
- (ii) Pindahan ibubapa ke kawasan-kawasan lain untuk mencari pekerjaan yang lebih baik.
- (iii) Percantuman sekolah dengan tujuan untuk memberi kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik kepada murid-murid terlibat. Percantuman tersebut adalah di atas persetujuan masyarakat setempat termasuk PIBG dan Lembaga Pengurus Sekolah.

Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan tidak menyimpan rekod tarikh sekolah-sekolah ini ditutup.

TABUNG PUSINGAN— PERUNTUKAN

23. **Tuan Zubir bin Embong** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah "Revolving Fund" sebanyak \$500 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hendak dilancarkan untuk peniaga-penlaga dan usahawan Melayu dan apakah garis panduan dan modus operandi kepada "Revolving Fund" tersebut.

Tuan Othman bin Abdul: Cadangan peruntukan Tabung Pusingan sebanyak \$500 juta sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu masih lagi dalam kajian

Kerajaan. Oleh itu, tarikh pelancaran, garis panduan dan modus operandinya masih belum dapat ditentukan lagi. Bagaimanapun, secara amnya ingin saya maklumkan bahawa Tabung Pusingan itu dicadangkan untuk membantu memulihkan syarikat-syarikat bumiputera yang mempunyai dayamaju, tetapi menghadapi masalah buat sementara waktu khususnya dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang.

DASAR PANDANG KE TIMUR

24. **Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Dasar Pandang ke Timur (Look East Policy) telah diketepikan. Jika demikian, nyatakan sebab-sebabnya.

Tuan Othman bin Abdul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pandang ke Timur masih beroperasi. Saya tidak nampak sebab dasar yang cuba mencontohi sifat-sifat positif Negara-negara Timur yang maju seperti Jepun dan Korea ke arah peningkatan mutu-kerja dan produktiviti rakyat Malaysia patut diketepikan. Semoga dengan tertanamnya ciri-ciri positif ini, negara kita dapat mengorak langkah ke arah pembangunan negara dengan lebih pesat lagi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat
dibacakan bagi menyambung semula

pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1988" dan "Anggaran Pembangunan, 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Keenambelas*)

MajHs bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Malcsud B.55 (Jadual)—

Maksud P.55 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.55 dan P.55 dibuka semula untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Rajang.

3.35 *ptg.*

Dr Nicholas Munong Ibau (Rajang): Tuan Pengerusi, semalam saya telah menyentuh tentang apa yang telah berlaku di ladang kelapa sawit di Balangian, Sarawak. Di peringkat awal penubuhan ladang kelapa sawit di Balangian oleh SLDB orang tempatan telah dijanjikan iaitu mereka akan dibekkan sebidang tanah untuk tanaman kelapa sawit kepada setiap keluarga yang terlibat mengikut kemampuan tenaga dalam keluarga itu dan semua ahli dalam keluarga itu boleh terlibat bekerja dan menjual hasil mereka kepada SLDB.

Pada masa itu pendapatan satu keluarga adalah dalam lingkungan \$400-\$500 ke atas dari jualan buah kelapa sawit. Oleh sebab kerugian yang dialami oleh SLDB, ladang kelapa sawit di Balangian telah diambil alih oleh Syarikat Sime Darby. Semenjak Sime Darby mengambil alih sistem pengurusan dan pentadbiran, kekacauan telah berlaku. Di masa kini satu kumpulan Pasukan Polis Hutan telah dihantar ke ladang kelapa sawit itu untuk mengawal keselamatan di ladang itu. Sistem pengurusan dan

pentadbiran yang dijalankan oleh Sime Darby amat menyedihkan di mana perjanjian di antara SLDB dan orang tempatan dulu diketepikan.

Sekarang ahli dalam satu keluarga tidak dibenarkan bekerja bersama-sama mengumpul buah kelapa sawit dan menjualnya kepada Sime Darby seperti sistem dulu. Sekarang orang tempatan hanya dibenarkan diambil bekerja bergaji hari dengan bayaran gaji \$9 sehari. Di dalam sistem ini hanya seseorang yang betul-betul sihat dan kuat sahaja diambil bekerja. Sekiranya dalam satu keluarga terdapat empat atau 5 orang di mana hanya seorang sahaja yang mampu bekerja bergaji hari, ini bererti pendapatan sekeluarga hanya maksimumnya \$270 sahaja sebulan. Jika hari kelepasan ataupun potongan EPF dan juga mungkin cuti sakit diambil kira pendapatan sekeluarga akan berkurangan dan ini jauh rendah dari poverty level, dengan izin, di negara kita ini.

Kejatuhan hasit yang besar yang dirasakan oleh orang tempatan di ladang

Dr Leo Michael Toyad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap Yang Berhormat dari Rajang.

Dr Leo Michael Toyad: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dr Leo Michael Toyad: Dalam ucapannya tadi, Yang Berhormat dari Rajang menyebut bahawa dalam pemindahan mengambil alih rancangan SLDB di Balangian yang diambil alih oleh Syarikat Sime Darby ini adalah corak pengurusan telah ditukarkan dan adakah ini disebabkan bahawa pengurusan yang dulu itu dijalankan di kawasan itu telah merugikan SLDB?

Dr Nicholas Munong Ibau: Adakah itu merugikan atau tidak, apa yang terjadi di masa sekarang ini kita harus teliti. Apa yang saya ketahui, SLDB di Sarawak telah mengalami kerugian yang amat besar sekali. Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi: Sila.

Dr Nicholas Munong Ibau: Kejatuhan hasil yang besar dirasai oleh orang tempatan di ladang kelapa sawit di Balangian adalah sebab utamanya mengapa orang tempatan menentang dan menunjuk perasaan kepada sistem yang dijalankan oleh Sime Darby. Baiknya mereka bersabar dan tidak membuat apa-apa yang lain selain dari menangkap dan mengikat seorang pengurus untuk mendapat perhatian Kerajaan tentang penderitaan mereka. Adakah itu tidak patut atau patut?

Tuan Pengerusi, dengan ini saya ingin tahu mengapakah Sime Darby peka kepada rayuan orang tempatan supaya sistem bekerja dijalankan seperti dahulu. Adakah sistem yang dijalankan oleh Sime Darby itu adalah strategi untuk mendapat keuntungan yang besar untuk membolehkan syarikat itu mendapat balik pembayaran yang syarikat itu telah bayar kepada SLDB atau Kerajaan Negeri Sarawak. Tuan Pengerusi, hanya Allah yang tahu.

Saya berpendapat kerugian yang telah dialami oleh SLDB dahulu bukan kesatahan tenaga buruh, bukan kesalahan orang tempatan, tetapi kemungkinan besar kesalahan pihak atasan yang mengurus dan pihak yang menjalankan pentadbiran ladang SLDB di Sarawak. Sekiranya di Semenanjung Malaysia ini banyak syarikat atau kompeni

Dr Leo Michael Toyad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bangun pula. Hendak beri jalan?

Dr Nicholas Munong Ibau: Ya.

Dr Leo Michael Toyad: Saya cuma ingin hendak tahu siapa yang telah mengurus ladang SLDB di kawasan perjanjian itu termasuk dalam kawasan saya dan sebenarnya siapa yang telah menguruskan yang menjadikan kawasan itu rugi?

Dr Nicholas Munong Ibau: Saya tidak dapat hendak jawab itu, tetapi saya hendak ingin tahu, bolehkah Timbalan Menteri memberi laporan kepada Dewan ini berapakah kerugian yang dialami oleh SLDB di Sarawak dan berapakah buah kompeni atau Syarikat SLDB yang menjalankan ladang-ladang di Sarawak yang boleh dapat keuntungan yang besar. Sekiranya di Sarawak banyak ladang-ladang yang mendapat kerugian itu bererti, itulah sebabnya mengapa dia tukar sekiranya SLDB dapat menguruskan ladang itu dengan betul, mengapa ditukar, mengapakah orang tempatan hanya mendapat hasil yang \$200 lebih sebulan sekarang dan tidak \$400 atau \$500 seperti dahulu? Ini menunjukkan kegagalan. Okay, Tuan Pengerusi, boleh saya menyambung?

Tuan Pengerusi: Sime Darby ini Kerajaankah? Jika bukan Kerajaan, adakah Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan kepala ini?

Dr Nicholas Munong Ibau: Saya menyentuh oleh kerana berkaitan dengan polisi ataupun berkaitan dengan langkah-langkah Kerajaan memindah dan saya ingin mencadangkan apa yang sepatut dibuat supaya perkara seperti ini tidak berlaku di masa hadapan.

Tuan Pengerusi, sekiranya di Semenanjung Malaysia ini banyak syarikat atau kompeni yang mendapat keuntungan yang memuaskan dari belian buah kelapa sawit dari mini estet atau pekebun kecil, saya lihat tidak ada logik seorang peneroka di Sarawak terpaksa bekerja hari dan mendapat menjadi seorang kuli selama usianya di tanah yang mereka punyai sebelum ladang itu ditubuhkan. Sistem yang

dijalankan di ladang kelapa sawit di Balangian adalah bertentangan dengan niat seorang manusia yang ingin kemajuan dan kebebasan dari sistem penjajah. Dengan ini saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan tokoh-tokoh jutawan-jutawan Sime Darby mengkaji semula keadaan yang terjadi di ladang kelapa sawit di Balangian dan mencari jatan yang akan memuaskan semua pihak terutamanya orang tempatan yang terlibat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Nicholas Munong Ibau: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Sila gulungkan, jangan masuk perkara baru.

Dr Nicholas Munong Ibau: Dengan ini saya mencadangkan juga supaya pihak Sime Darby menghentikan sistem yang dijalankan sekarang dan balik kepada sistem kontrak seperti dahulu supaya semua ahli keluarga boleh terlibat dan tidak menjadi pengangguran yang mungkin boleh membawa perkara yang tidak diinginkan.

Tuan Pengerusi, apa yang telah terjadi di Balangian mungkin boleh juga terjadi kepada agensi pembangunan tanah yang lain-lain di Sarawak seperti FELCRA atau SELCRA. Saya berharap apa yang telah berlaku di SLDB di Balangian tidak akan berlaku berleluasa kepada kawasan yang lain. Saya tidak mahu lihat seorang tuan punyai tanah dipaksa menjadi anak kuli bergaji hari selama-lama usianya

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Adakah Yang Berhormat dah Rajang sedar iaitu tanah di Balangian yang ditanam kelapa sawit oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak ialah bukan hak milik orang rumah panjang lagi sebab sudah dibeli oleh Kerajaan dengan harga \$50 seekar.

Dr Nicholas Munong Ibau: Baguslah perkara ini ditimbulkan. Adakah kita puashati sekiranya harga tanah itu \$50. Apa yang saya ketahui harganya bukan \$50, itulah wang orang dikatakan dalam bahasa Iban, minta maaf "bayaran tungkus asik", bukan harga yang sebenar. Di masa dahulu mereka dijanji bahawa mereka akan diberi sebidang tanah dan itu tidak boleh dijual kepada orang lain, tetapi sekarang sudah dijual atau ditukar hakmilik kepada SLDB. Dengan ini, Tuan Pengerusi

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap!

Dr Nicholas Munong Ibau: Tidak mahu beri jalan. Dengan ini saya mencadangkan iaitu ladang-tadang yang akan ditubuhkan yang melibatkan Native Customary Right, dengan izin, itu termasuk SELCRA dan FELCRA

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dr Nicholas Munong Ibau:..... yang melibatkan Native Customary Land Right di Sarawak. Kerajaan mewajibkan semua perjanjian dipersetujui oleh agensi pembangunan tanah dengan tuan punya tanah di daftar dengan peguam atau Kerajaan dan semua surat perjanjian

itu disimpan oleh semua pihak. Langkah seperti ini Tuan Pengerusi, akan menjaga hak tuan punya tanah seperti telah dipersetujui dan tidak diketepikan sia-sia sahaja seperti apa yang telah berlaku di ladang kelapa sawit di Balangian. Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Saratok mengemukakan kepada Dewan ini, adakah surat perjanjian seperti dahulu didaftar atau tidak?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Saratok bangun. Hendak beri jalan?

Dr Nicolas Munong Ibau: Sekarang saya beri jalan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, saya suka minta penjelasan oleh kerana apa yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Rajang akan dibetulkan di dalam Dewan yang mulia ini. Mula tadi saya tanya, adakah Yang Berhormat sedar tanah di Balangian tidak ada lagi hakmilik oleh orang rumah panjang yang mana ditanam dengan kelapa sawit. Jadi, beliau belum ada jawab.

Yang kedua, beliau mengatakan apa yang terjadi di Balangian janganlah jadi di tempat yang lain di mana kelapa sawit ataupun tanaman yang lain akan ditanam oleh agensi-agensi yang lain. Jadi, berkenaan dengan perjanjian Yang Berhormat sebut di Balangian, adakah Yang Berhormat sedar siapakah Ketua Menteri masa itu semasa menanam kelapa sawit dijalankan? Siapakah Pengurus Besar yang mulanya dan kemudian mengambilalih jadi Pengurus Lembaga Kemajuan Tanah? Bukankah kedua-duanya itu iaitu ketua Maju Group yang baru-baru ini yang diketuai oleh Yang Berhormat dari Rajang?

Dr Nicholas Munong Ibau: Tuan Pengerusi, bagus sekali. Itu bererti

jangan kita membangkit apa yang dahulu yang salah. Kita mesti membetulkannya sekarang.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Rajang, jangan angkat suara.

Dr Nicholas Munong Ibau: Ya. Sekiranya dahulu yang salah tidak ada perjanjian dibuat, sekarang Ahli Yang Berhormat Saratok patut membetulkannya

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: (*Bangun*)

Dr Nicholas Munong Ibau: Tunggu sekejap mungkin Ahli dari Saratok seorang pengerusi di agensi-agensi pembangunan tanah, dan adakah Ahli Yang Berhormat dari Saratok berniat hendak membuat perjanjian seperti apa yang saya cadangkan?

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun, hendak beri jalan?

Tuan Hashim bin Safin: Point of order, Peraturan Mesyuarat 35(7). Tadi saya terdengar Tuan Pengerusi telah mengatakan minta mengulang. Itu boleh bermakna meletakkan masa, kemudian kedua-dua pula bertengkar. Biar Ahli Yang Berhormat dari Semenanjung mententeramkan. Berhenti sahaja, habis cerita.

Tuan Pengerusi: Ya, boleh habiskan? Minta habiskan.

Dr Nicholas Munong Ibau: Minta maaf, sekiranya saya ada terlampau sedikit, tetapi apa yang saya hendak mencadangkan di sini ialah supaya Ahli dari Saratok, seorang pengurus di agensi pembangunan tanah di masa yang akan datang membuat semua perjanjian yang telah dipersetujui didaftar supaya di masa-masa hadapan

apa yang telah berlaku di Balingian tidak berlaku lagi di mana-mana dan

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Saratok bangun.

Dr Nicholas Munong Iba:..... perjanjian kepada orang tempatan tidak diketepikan sia-sia sahaja.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Saratok hendak berucap?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat dari Rajang yang ada menyebutkan apa yang terjadi dahulu baguslah dibetulkan. Bukankah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri supaya Sime Darby mengambilalih pengurusan kelapa sawit di Balingian itu, ialah supaya membetulkan apa yang telah salah dahulu supaya dibetulkan di masa hadapan?

3.51 *ptg.*

Dato* Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut):Tuan Pengerusi, saya mohon izin beberapa minit sahaja untuk bercakap di bawah Kepala P.55 Butiran 00100 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Pertama sekali saya ingin mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau PELDA yang mana telah banyak memberi jasa sumbangan baktinya kepada rakyat dan negara semenjak ianya ditubuhkan. LKTP telah mengharumkan nama negara dengan rancangan-rancangan tanah yang dibuka di sana-sini di seluruh

negara dan menempatkan peneroka-peneroka daripada kalangan rakyat yang miskin dan berpendapatan rendah.

Pemimpin-pemimpin negara asing telah banyak membuat lawatan dan memuji rancangan-rancangan yang dibangunkan oleh LKTP ini dan LKTP juga pernah mendapat hadiah peringkat antarabangsa dan juga peringkat kebangsaan. Melalui rancangan-rancangan tanah yang dijalankan oleh LKTP juga telah membaiki taraf hidup rakyat daripada golongan miskin yang dahulunya tidak mempunyai tanah dan harta-benda, sekarang telah dapat hidup sebagai keluarga yang sempurna, sebagai rakyat yang menikmati kemakmuran di dalam negara yang telah mencapai kemerdekaan ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil peluang untuk mencadangkan atau memberi pandangan atas dua perkara. Yang pertama, marilah kita sama-sama menyokong dan mengharapakan supaya LKTP meneruskan nama baik yang menghormati negara dan yang memberi kemudahan hidup kepada keluarga miskin dalam negara kita ini. Janganlah keadaan ini di rancangan-rancangan pembangunan tanah yang di buka oleh LKTP menjadi tempat pertelingkahan terutama sekali sesama rakyat yang kebanyakannya terdiri daripada seagama dan sebangsa. Jadikanlah kehidupan di rancangan FELDA itu sebagai tempat hidup yang harmoni, sebagai sebuah masyarakat hidup yang sempurna, yang mana boleh memberi kehidupan yang baik kepada keluarga yang menjadi peneroka kepada setiap rancangan tanah.

Saya suka mengesyorkan supaya pihak Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan hendaklah berhati-hati jika hendak mengubah atau menukar sesuatu sistem yang dimula dan diamalkan di rancangan-rancangan

tanah itu. Seboleh-bolehnya kurangkanlah penukaran sistem ini supaya tidak menimbulkan perasaan resah, syak wasangka dan tidak puas hati di kalangan peneroka. Saya beri contoh, umpamanya sistem saham yang diperkenalkan pada masa ini di rancangan-rancangan tanah FELDA dan ianya tidak diragui mempunyai niat dan hasrat yang baik dan ianya sudah tentu akan memberi keuntungan kepada para peneroka, tetapi masalahnya saya fikir sistem ini patut digunakan kepada rancangan-rancangan yang baru dibuka dan digunakan kepada peserta-peserta yang baru memasuki sesuatu rancangan dan setelah mereka diberi fahaman yang sebenar, yang betul tentang sistem baru yang hendak diperkenalkan ini. Adalah tidak sesuai saya fikir sekiranya sistem ini hendak dikuatkuasakan kepada peneroka-peneroka yang telah lama menjadi peserta yang telah memasuki rancangan-rancangan FELDA sejak 20 tahun dahulu umpamanya, yang pada waktu mereka mula "memasuki rancangan dahulu dijanjikan bahawa mereka akan diberi hakmilik geran tanah di atas rancangan itu. Saya percaya sistem yang baik yang diperkenalkan oleh LKTP ini akan dapat diterima oleh peneroka-peneroka dan juga mendapat sokongan daripada seluruh rakyat kerana ianya memberi kebaikan bukan sahaja kepada peneroka-peneroka berkenaan, tetapi juga kepada negara keseluruhannya.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan kemudahan-kemudahan asas yang berada di dalam rancangan-rancangan tanah FELDA. Pada masa ini kita dapati ada sedikit kekeliruan terutama sekali apabila kita menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan juga Jawatankuasa Tindakan Negeri, umpamanya, siapakah yang sepatutnya mengambil tanggungjawab tentang

kemudahan-kemudahan asas seperti jalan, elektrik, bekalan air, bangunan-bangunan ibadat seperti masjid, madrasah, surau-surau dan begitu juga bangunan-bangunan sosial seperti kelab-kelab dan dewan-dewan serbaguna yang diperlukan oleh peneroka-peneroka FELDA. Kita dapati tanggungan ini ditetakkan kepada pihak FELDA dan FELDA banyak kali memberi jawapan mereka menghadapi kekurangan peruntukan dan jika pun mereka laksanakan kemudahan-kemudahan asas ini, maka kosnya kelak akan dibebankan kepada peneroka-peneroka.

Maka saya ingin mencadangkan supaya pihak FELDA atau pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya berunding dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri atau Kementerian-kementerian lain yang bersangkutan supaya semua kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan di dalam rancangan tanah FELDA ini diserahkan kepada Kementerian-kementerian lain yang berkenaan atau Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan supaya perkara ini tidak bertelingkah lagi tentang tanggungjawab ini kerana saya berpendapat peneroka-peneroka FELDA walaupun mereka adalah peneroka kepada rancangan tanah yang dibina oleh FELDA, tetapi mereka tidak hapus hak mereka sebagai rakyat di dalam negara yang sepatutnya menikmati kemudahan asas seperti juga penduduk-penduduk luar bandar yang lain. Maka mereka tidak sepatutnya dinafikan kemudahan jalan raya, bekalan elektrik, air dan sebagainya semata-mata kerana FELDA tidak mempunyai peruntukan yang cukup.

Suka saya memberi contoh di sini, di dalam kawasan saya sendiri ada beberapa rancangan FELDA yang kadang-kadang Wakil-wakil Rakyat terpaksa menggunakan peruntukan

Projek-projek Kecil Wakil-wakil Rakyat untuk memperbaiki jalan-jalan yang ada di kawasan rancangan tanah FELDA kerana kita dapati tidak ada pihak yang boleh memberi peruntukan seumpama itu, sama ada FELDA sendiri atau Kerajaan Negeri atau juga Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan yang lain. Saya fikir perkara ini patut diselaraskan dan diselesaikan kerana ianya adalah untuk kebaikan rakyat negara kita ini yang secara kebetulan menjadi peneroka kepada rancangan tanah FELDA.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementenan ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
perusikan Jawatankuasa*)

3,59 ptg.

Tuan Law Lai Heng Pontian):Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 251, Maksud B.55 Butiran 040000 Pemetaan, di bawah Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberikan pandangan dan mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan iaitu sampai bilakah masa kita akan dapat selesaikan berkaitan dengan sempadan perairan antara Malaysia dengan Singapura kerana sehingga hari ini sudah 30 tahun kita merdeka tetapi masalah ini masih ada, belum selesai lagi. Saya berharap perkara ini sangat serius kerana Selat Tebrau boleh dikatakan satu selat yang sempit, jadi nelayan-nelayan dan juga orang awam sentiasa tidak dapat memastikan yang mana dia kawasan perairan Malaysia dan yang mana Singapura. Ini sentiasa mendatangkan kesusahan kepada orang-orang kita dan mungkin juga membangkitkan salah faham di antara orang Singapura dengan orang kita Malaysia.

Kedua, saya ingin juga menca-
dangkan kerana kita sentiasa dapat

menerima pengaduan daripada nela-
yan-nelayan dan juga orang-orang
awam seperti nelayan-nelayan pantai
dan juga nelayan-nelayan yang
menggunakan bot menangkap ikan di
Selat Melaka. Kerana ini bukan di
darat. Kalau di darat kita tahu, kerana
ada pokok-pokok dan ada tanda-tanda
tertentu. Tetapi dalam perairan itu
susah kita hendak menentukan yang
mana itu kawasan Malaysia, yang mana
itu kawasan Indonesia dan yang mana
itu kawasan Singapura. Jadi, saya
berharap, dengan alat-alat saintifik
yang baru, mungkin kita dapat
mengadakan satu tanda sama ada
digunakan untuk siang hari dan juga
untuk malam supaya mereka itu tahu
yang mana kawasan itu kita punya dan
kita tidak metanggar undang-undang
atau syarat-syarat tertentu. Pada masa-
masa yang lampau, nelayan-nelayan
kita ini pernah ditahan oleh negara
jiran kita khususnya di Republik
Indonesia oleh kerana mereka
mengadu bahawa kita mencero-
boh kawasan perairan mereka. Ada juga
kita menahan nelayan-nelayan
daripada jiran kita kerana metanggar
masuk kawasan perairan kita yang
merupakan mencero-
boh kawasan perairan kita.

Saya fikir sudah sampai masa kita
menentukan sempadan kita dengan
lebih jelas supaya mereka ini tahu
sebenar-benarnya kawasan-kawasan
kita supaya tidak akan menimbulkan
salah faham di antara nelayan kita
dengan nelayan negara lain. Dari segi
keselamatan juga beruntung kepada
kita semua. Kalau salah faham tidak
dapat menentukan mana-mana
sempadan, mungkin ini akan
mengungkit keselamatan negara kita.
Kapal-kapal mereka masuk ke
kawasan kita, orang-orang yang taat
setia kepada negara kita hendak
membuat aduan pun susah, sama ada
betul-betul mereka itu sudah mence-
roboh kawasan perairan kita. Ini-
lah yang lebih penting bagi pihak
Kementerian ini khususnya Bahagian

Pemetaan ini dapat menyelesaikan perkara ini dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Pengerusi, inilah salah satu pandangan saya berkaitan dengan jabatan berkenaan. Saya berharap langkah-langkah sewajarnya dapat diambil dengan secepat mungkin. Dengan ini saya menyokong peruntukan yang telah dikemukakan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran) minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.04 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, saya sungguh sukacita kerana pandangan dan minat yang ditunjukkan oleh saudara-saudara kita Yang Berhormat iaitu 6 orang semuanya sekali, iaitu Yang Berhormat dari Tanah Merah, Yang Berhormat dari Maran, Yang Berhormat dari Seputeh, Yang Berhormat dari Rajang, Yang Berhormat dari Besut dan akhir sekali Yang Berhormat dari Pontian.

Apa yang saya dapat kesan ialah semua Yang Berhormat telah menunjukkan minat bukan sahaja terhadap apa yang diperkatakan di dalam Butiran-butiran, tetapi juga terhadap kesedaran dan adanya pembelaan mereka kepada rakyat dan pihak yang diwakili oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanah • Merah, sambil saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan perhatian kepada soal siswazah menganggur iaitu adanya masalah siswazah-siswazah menganggur untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar. Minat yang dikaitkan dengan masalah ini nampaknya menurut saudara Yang Berhormat dari Tanah Merah, ialah kerana adanya halangan yang didapati di dalam Seksyen 129 Kanun Tanah

Negara. Namun begitu saya ingin merakamkan bahawa Seksyen 129 sebenarnya tidak menghalang minat dan kecenderungan siswazah-siswazah menganggur atau sesiapa sahaja yang menganggur yang berminat untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar.

Seperti mana maksudnya, tanah-tanah terbiar adalah pemberian dan dengan Seksyen 129 itu ia memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri mengambil tanah-tanah demikian, mengusahakannya, memulihkannya dan kemudian boleh diserahkan balik kepada tuan punya dengan syarat tuan punya membayar balik imbuhan ataupun kos yang dibelanjakan oleh pihak Kerajaan. Satu cara lagi ialah, adanya persetujuan dua pihak di antara tuan punya dengan Kerajaan atau tuan punya dengan sesiapa sahaja untuk mengerjakan tanah yang terbiar itu. Oleh kerana itu, kami dapati

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ya, silakan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Pengerusi, saya sudah nampak apa yang dhnaksudkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang dikatakan tadi, cuma untuk kepastian yang lebih. Apa yang saya maksudkan, di mana siswazah menganggur, apabila dinasihatkan, sebab saya pun memang tahu, selaku Ahli Jawatankuasa Tanah Negeri, apabila kita nasihatkan supaya mengusahakan tanah terbiar daripada mengusahakan tanah baru, kerana kemungkinan kerugian dari segi kerosakan hutan dan sebagainya, antara masalah yang dikemukakan kerana apabila dibuat perundingan dengan tuan tanah, susah.

Kemudian kita cadangkan supaya tanah itu diambil alih dan ini memakan masa yang panjang. Apa cara pihak Kementerian supaya perkara ini membolehkan tanah-tanah terbiar ini dalam masa yang singkat memberi

peluang kepada kelompok siswazah mengusahakan setelah mereka mempunyai kertas kerja yang baik, sokongan daripada Bank Pertanian dari segi bentuk kewangan, dari segi tanahnya cepat dapat dimiliki. Apa usaha atau jaminan daripada Kementerian dalam pencapaian matlamat tadi?

Tuan Adam bin Abdul Kadir:

Terima kasih Yang Berhormat dari Tanah Merah. Tujuan utama ialah untuk memudahkan rakan-rakan kita siswazah menganggur mengerjakan tanah dan tidak berlanjutan prosesnya untuk mencapai maksud itu. Dalam perkara ini, jaminan yang kita boleh berikan tidak semestinya jaminan yang konkrit yang seolah-olah tidak berubah tetapi saya boleh menjamin bahawa kita akan mengkaji dan menilai semula sistem dan juga proses yang disebutkan itu kerana peruntukan undang-undang sudah ada, hanya langkah-langkah pentadbiran sahaja untuk mempercepatkan segala proses yang dicetuskan oleh minat siswazah-siswazah menganggur itu untuk mengerjakan tanah-tanah terbiar yang berkenaan. Terima kasih saya ucapkan.

Kepada Yang Berhormat dari Maran, ini adalah satu perkara yang agak menarik kerana bukan sahaja soal tanah ditimbulkan tetapi juga soal ekologi. Memang sebenarnya kita akui sekarang ini ada kelihatan ataupun memang sebenarnya negeri Pahang itu diterokai lebih ramai oleh peneroka-peneroka daripada negeri-negeri lain di Semenanjung. Maka berdasarkan hakikat itu termasuk juga hakikat bahawa semakin kurang tanah untuk diusahakan, maka pihak Kementerian sekarang ini meninjau di tempat-tempat lain dan apabila didapati perlu diterokai tanah seperti di Sarawak ataupun di Sabah semata-mata untuk membawa faedah yang lebih meluas kepada rakyat yang lebih ramai.

Selain daripada itu, saudara Yang Berhormat dari Maran juga mengaitkan soal-soal prasarana ataupun infrastuktur terutama sekali berkaitan dengan jalan.

Untuk makluman bersama, jalan yang dimaksudkan itu memang tidak sama tarafnya kalau hendak di gazetkan di bawah JKR kerana jalan-jalan di dalam rancangan-rancangan negeri yang disebutkan itu semata-mata untuk maksud pengangkutan buah kelapa sawit dengan menggunakan kenderaan-kenderaan ringan, Maka jalan itu tidaklah besar, tidaktah memuaskan semua pihak.

Untuk itu, di samping kita mengucapkan terima kasih kerana pandangan yang demikian, Kementerian juga sekarang ini di dalam rancangan-rancangan FELDA, umpamanya jalan tanah merah sedang diperkatakan untuk diturapkan dengan tar. Tetapi ini masih lagi dalam proses perbincangan, belum lagi berupa sesuatu keputusan dasar. Ini semuanya menunjukkan bahawa pihak Kementerian memberi perhatian, memberi pandangan terhadap rasa tidak puas hati peneroka-peneroka dan juga kepada semua yang terlibat di dalam rancangan-rancangan FELDA.

Berkenaan dengan upah pengangkutan dan sebagainya, saya ingin menyatakan perkara ini sentiasa sahaja timbul. Ianya merupakan satu chore, dengan izin, dan suatu yang routine yang ditimbulkan oleh peneroka-peneroka daripada satu masa ke satu masa. Tentu sekali masalah ini timbul daripada satu masa ke satu masa kerana ianya berkaitan secara langsung dengan wang yang masuk ke saku peneroka-peneroka kita ataupun pendapatan yang tidak memuaskan. Jadi, apabila timbul keadaan ekonomi yang meleset, yang menjejaskan harga barangan utama seperti commodities, dengan izin, seperti kelapa sawit ataupun getah, maka timbullah masalah-masalah yang

berkaitan dan kadang-kadang menimbulkan implikasi sosio-ekonomi dan juga implikasi politik, tetapi semuanya ini adalah sesuatu yang kita hadapi daripada satu masa ke satu masa. Dan seperti masa yang saya sebutkan di awal-awal tadi bahawa kita sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul daripada satu masa ke satu masa terutama dari segi wang pendapatan yang akhirnya ke saku peneroka-peneroka.

Saya juga ingin merujuk kepada bekalan air yang disebutkan oleh saudara Yang Berhormat dari Maran itu. Beliau mengatakan \$10 juta telah diuntukkan untuk membawa bekalan air ke kawasan Wilayah Jenaka dan beliau berharap wang \$10 juta itu tidak harus ditentukan sebagai pinjaman tetapi ianya lebih baik disifatkan sebagai grant semata-mata.

Sukacita saya menyatakan bahawa pihak Kementerian sedang memberikan pertimbangan serius dalam perkara ini dan kita juga sedang berunding supaya \$10 juta itu disifatkan sebagai grant secara langsung dan tidak sebagai pinjaman. Bagaimanapun saya ingin utangkan bahawa ianya masih di dalam peringkat perundingan yang serius; janganlah diambil sebagai sesuatu yang sudah putus, saudara Yang Berhormat dari Maran.

Kepada saudara Yang Berhormat dari Seputeh nyata sekali timbul suatu kesedaran di dalam kawasan urban ataupun dalam kawasan bandar yang melibatkan antara pemaju-pemaju dengan perabeli-pembeli rumah, sama ada rumah sebuah-sebuah, rumah berkembar ataupun rumah yang berbentuk flat atau kondominium. Itulah sebabnya timbul masalah kelewatan dan kelambatan mendapat titles, mendapat geran apa lagi geran yang dipanggil strata titles itu.

Saya berjanji di sini akan kita kajiakan semula, tegasnya peruntukan

seksyen-seksyen yang disebutkan oleh saudara Yang Berhormat itu, kerana saya sungguh sukacita kerana berbagai-bagai seksyen itu adalah relevant, baik dari segi pengukuran untuk mendapatkan Q T. ataupun hakmilik sementara sehinggalah kepada proses untuk mendapat hakmilik yang kekal, semuanya relevant belaka. Jadi, pihak kami berjanji untuk melihat dan mengkaji semula proses ini dipercepatkan dan dengan itu kita dapat mengelakkan segala kecenderungan pihak-pihak pemaju, pihak-pihak orang tengah ataupun yang dipanggil sebagai "stake holders" itu tidak mendapat kepentingan kewangan daripada usahaniaga yang berkaitan dengan hartanah dan juga bangunan tinggi yang disebutkan oleh saudara kita dari Seputeh itu.

Tuan Pengerusi, saudara Yang Berhormat dari Rajang nampaknya marah-marah sedikit tetapi tidak berapa marah. Saya tahu beliau memberikan perhatian yang begitu rapi terhadap apa yang berlaku di Sarawak, lebih-lebih lagi di kawasan setempat di Balingian.

Apabila betiau memperkatakan tentang Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, beliau kaitkan dengan rasa tidak puas hati penduduk-penduduk di situ terutama latar belakang yang membuatkan ladang di Balingian itu dipindah daripada LKTS kepada Balingian. Jadi, apabila timbul berbagai masalah di sini, saya rasa begitu setempat, begitu local kerana

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi, (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ya.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, ini cuma

sepatah kata sahaja, bukan dipindah kepada Balmgian, tetapi pengurusannya dipindah kepada Sime Darby daripada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Terima kasih. Dipindahkan kepada Sime Darby tetapi tempat itu di Balingian. Jadi, saya ingin menyatakan di sini bahawa pihak Kerajaan Persekutuan hanya terlibat di dalam urusan ongkos pembangunan dan juga yang berkaitan dengan setengah-setengah kos untuk memulakan projek yang diperkatakan itu.

Berkaitan dengan pengurusan dan juga berkaitan dengan dasar, ianya menjadi tanggungjawab pihak berkuasa di Sarawak, Bagaimanapun saya berjanji bagi pihak Kementerian, kita akan mengkaji masalah yang ditimbulkan itu, kerana nampaknya dialog antara Yang Berhormat dari Saratok dengan Yang Berhormat dari Rajang itu, ada sesuatu yang harus kita kaji semula. Tentu sekali kajian kita itu nanti berobjektif untuk memberikan kebaikan kepada semua pihak yang terlibat terutama sekali pihak rakyat. Jadi, itu sahaja kepada saudara Yang Berhormat dari Rajang.

Saudara Yang Berhormat dari Besut sangat sukacita dengan LKTP ataupun FELDA, tetapi di dalam rasa sukacita itu beliau juga melahirkan rasa tidak sukacita. Dalam menyatakan tahniah yang tinggi kerana banyak jasa-jasa diberikan, banyak hadiah-hadiah, tetapi ada juga rasa tidak puas hati, terutama menurut Yang Berhormat dari Besut, ada sesuatu perubahan yang kita buat seolah-olah kita tidak merujuk kepada faktor-faktor tertentu kerana kalau kita tidak ada rujukan yang sempurna, tentu sekali pihak peneroka-peneroka akan merasa tidak puas hati. Contoh yang diberikan ialah sistem saham. Sebenarnya sistem saham ini bukan perkara baru tetapi peneroka-peneroka yang lama yang menggunakan sistem blok akan terus

dengan sistem blok. Mereka yang agak terkemudian sedikit mendapat sistem sahaja. Menurut dasar yang diputuskan oleh Kementerian, sistem inilah yang dilaksanakan.

Yang kita dapati daripada hasil tinjauan kita ialah bukan sistem itu menimbulkan rasa tidak puashati kepada peneroka-peneroka berkenaan, tetapi maklumat-maklumat yang disampaikan tidak begitu sampai kepada pihak-pihak tertentu. Sekiranya sampai, kadang-kadang maklumat itu tidak mencukupi. Di antara asasnya ialah sistem saham ini hendak dilaksanakan berdasarkan satu sistem seperti mana juga sistem saham yang lain. Ertinya kalau berlaku kematian, sistem itu boleh dipindahkan dengan cara yang lebih langsung dan tidak menurutkan cara-cara faraid. Tetapi menurut sistem, untuk membuat pindah milik, sepertimana sistem saham yang lain juga, ianya boleh dibuat menerusi amalan pemindahan milik yang selalu diamalkan. Dalam sistem ini juga, tuannya boleh meminta orang lain mengerjakan dan dividen akan diperhitungkan di hujung tarikh-tarikh tertentu dan hasilnya akan terus didapati daripada satu masa ke satu masa. Tetapi walau bagaimanapun kita mengiktirafkan bahawa di sebalik rasa tidak puas hati itu tentulah ada sesuatu yang tidak sempurna. Oleh itu pihak Kementerian terus mengkaji untuk menyempurnakannya, untuk membaiki apa-apa yang kurang di dalam perkara ini.

Rasa tidak puashati terdapat di kalangan masyarakat peneroka yang terdiri kebanyakannya dari orang-orang bumiputera, Mereka ini masih lagi mempunyai nilai-nilai yang mengidentifikasikan pemilikan secara fizikal terhadap sesuatu harta. Kalau hakmilik saham hanya tertulis di atas kertas, jadi tidak ada identifikasi secara fizikal, itulah saya rasa merupakan sesuatu yang menjadi tidak puas hati.

Jadi, dengan adanya sistem saham ini, kita tidak boleh memuaskan hati semua orang pada sesuatu masa, tetapi kita harap dalam jangka waktu tertentu sistem ini akan menyerap pemikiran peneroka-peneroka ataupun bakal-bakal peneroka. Dengan itu ianya akan merupakan sesuatu yang boleh dianggap sebagai "status quo" ataupun perkara yang boleh diterima. Soal blok dan cara-cara lama kita akan dengan sendirinya menjadi historic ataupun yang bersejarah sahaja. Jadi, sekali lagi kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Besut kerana nasihat dan pandangan yang telah diberikan.

Akhir sekali Saudara Yang Berhormat dari Pontian. Beliau menimbulkan soal peta, soal sempadan dan tentunya sekali soal "turf", dengan izin. Sempadan adalah sesuatu yang sentitif terutama dalam hubungan antara jiran-jiran kita Indonesia, Thailand-Malaysia dan juga Singapura. Pengalaman yang baru berlaku saya rasa semua Yang Berhormat pun sedar, soal sempadan ini adalah sesuatu yang boleh mencetuskan ketegangan dan emosi yang tidak terhingga, sekiranya masalah-masalah yang timbul daripada soal sempadan itu tidak kita kawal, ataupun kita jaga dengan baik. Kementerian saya mengambil maklum perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pontian. Beliau memberikan pandangan yang agak kritikal bukan sahaja dalam hubungan kita dengan jiran-jiran tetangga, tetapi juga masalah rezeki kaum-kaum nelayan kita di sempadan. Mereka mencari ikan, tetapi mereka tidak tahu di mana sempadan kita dengan Indonesia dan tidak tahu sempadan kita dengan Singapura. Kalau salah sempadan, maka akan timbul penangkapan, mungkin juga perampasan. Akibatnya boleh menimbulkan perbatahan yang mungkin merebak kepada perkara-perkara diplomatik yang lain.

Jadi, Tuan Pengerusi, itulah sahaja penggulungan saya dan sambil mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada 6 orang Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, Maran, Seputeh, Rajang, Besut dan Pontian itu saya akhiri jawapan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$315,605,700 untuk Maksud B.55 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$315,605,700 untuk Maksud B.55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$629,776,500 yang disebutkan dalam Maksud P.55 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$629,776,500 untuk Maksud P.55 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.56 (Jadual)—

Maksud P.56 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.56 dan Kepala Pembangunan P.56 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bakri.

4.28ptg.

Tuan Chua Jui Ming (Bakri): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka

surat 264, P.56 — Butiran 03000, Industri-industri Kecil.

Tuan Pengerusi, industri-industri kecil telah disasarkan sebagai salah satu penggerak ekonomi negara serta mewujudkan peluang pekerjaan yang amat-amat dikehendaki. Terdapat kecenderungan untuk menghubungkan industri dan perniagaan besar di negara-negara yang sudah membangun seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Akan tetapi industri-industri kecil masih menjadi suatu unsur yang penting di dalam sektor perkilangan, pembuatan dan kepentingannya kian meningkat di negara-negara yang membangun. Selain dari peluang pekerjaan, latihan dan lain-lain pertimbangan, industri kecil boleh juga menyumbangkan secara berkesan kepada perkembangan perindustrian.

Tuan Pengerusi, pengalaman Jepun dan negara-negara yang baru membangun di Asia, or the newly industrialised nations, dengan izin, menunjukkan yang sektor industri kecil yang moden merupakan satu syarat untuk perkembangan yang cepat dan tetap.

Pada masa sekarang industri kecil di Malaysia masih belum cukup cekap dan berkesan, setengah daripada mereka sudahpun ketinggalan zaman akibat dari perkembangan teknologi yang pesat atau kerana perubahan citarasa consumer, or the changing style of consumer taste.

Tuan Pengerusi, industri-industri kecil masih berada di dalam keadaan yang tidak tersusun di mana kebanyakan daripada mereka tidak tahu kepada siapa mereka patut hadapi untuk mendapat bantuan. Walaupun Kerajaan telah mendirikan agensi-agensi untuk memberi berbagai jenis bantuan, akan tetapi kepentingannya tidak boleh di over rated, dengan izin, small industries di negara ini menyumbangkan 28% peluang

pekerjaan perkilangan dan merupakan 75% dari semua syarikat-syarikat perkilangan pada tahun 1982.

Tuan Pengerusi, saya telah diberitahu yang satu laporan industri kecil dan pertengahan sedang disediakan oleh Jawatankuasa khas yang dianggotai oleh pegawai dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, wakil-wakil dari Kementerian-kementerian lain saya ingat termasuk Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, Dewan Perdagangan dan Perindustrian Malaysia, Pertubuhan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM). Adakah laporan ini akan diberi kepada semua Ahli Parlimen, saya minta kerjasama Timbalan Menteri untuk mengedarkan laporan ini dan apabila disiapkan oleh Jawatankuasa khas ini kepada semua Ahli-ahli Dewan Rakyat. Tindakan ini merupakan satu langkah yang betul kerana kebanyakan daripada industri kecil masih tidak faham akan peraturan-peraturan yang disediakan oleh badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan.

Penyelarasan amat diperlukan, khidmat yang lebih oleh pegawai-pegawai juga perlu diadakan di mana pegawai-pegawai ini dapat pergi ke kawasan-kawasan industri dan beramah mesra dengan pemilik-pemilik industri kecil ini. Mereka amat memerlukan bantuan, pimpinan dan inisiatif. Mungkin Jawatankuasa khas ini dapat dijadikan badan penyelarasan yang tetap dengan peruntukan yang lebih besar dan lebih banyak kuasa untuk bertindak bagi pihak badan-badan yang diwakili. Jawatankuasa khas ini mungkin dapat status seperti pentadbiran perniagaan kecil dalam Kerajaan Amerika Syarikat atau Agensi Pengusahaan Perniagaan Kecil di Jepun dan Kementerian Perniagaan Kecil di negara Kanada.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyebut sedikit masalah-masalah yang dihadapi oleh industri-industri kecil di negara kita kepada Kementerian yang berkenaan.

Yang pertama, ialah masalah kewangan. Industri-industri kecil pada amnya mengadu akan kekurangan kewangan yang mengakibatkan kekurangan dalam modal kerja atau "working capitol" adalah dianggarkan sebagai contoh pada tahun 1983, kurang daripada 7% dari syarikat-syarikat kecil dalam sektor bukan pertanian sementara peratusan yang lebih kecil dari sektor perkilangan mendapat bantuan pinjaman daripada bank-bank.

Pada tahun 1983 pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan oleh C.G.C berjumlah \$300 juta merupakan tidak cukup 1% dari jumlah pinjaman bank. Keadaan yang sama juga wujud dengan pinjaman yang diberi, bahawa Skim Pinjaman Khas sejak pelancarannya pada tahun 1984 sehingga sekarang hanya 32% juta telah diberi sebagai pinjaman di bawah Skim Pinjaman Khas ini.

Masalah yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah mengenai kekurangan tapak tanah dan bangunan. Kebanyakan industri-industri kecil terletak di kawasan-kawasan bukan perindustrian. Kebanyakannya daripada mereka terletak di kawasan-kawasan perumahan ataupun di kawasan-kawasan T.O.L (Temporary Occupation Licence). Sebagai contoh, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menganggarkan 180 hektar tanah di sekitar Kuala Lumpur diduduki oleh industri-industri tidak sah. Ini merupakan setengah daripada jumlah tanah yang digunakan oleh sektor perindustrian di kawasan Kuala Lumpur. Kebanyakan daripada tapak industri-industri kecil ini adalah kecil dan keadaan pekerja adalah kurang memuaskan.

Tuan Pengerusi, masalah yang ketiga, ialah mengenai kekurangan tenaga mahir. Terdapat kekurangan tenaga mahir yang amat serius terutamanya dalam bidang pembuatan, barangan besi dan bidang pemeliharaan atau maintenance work, begitu juga dengan sektor pelaburan dan tekstil. Umpamanya we have shortage of moulders, foundry technologists, tool and dye designers etc.

Masalah kekurangan tenaga mahir di kalangan industri-industri kecil adalah lebih serius berbanding dengan industri-industri besar kerana industri-industri besar boleh memberikan, dengan izin, wages yang lebih tinggi, kalau berbanding dengan industri-industri kecil.

Masalah yang keempat, Tuan Pengerusi, ialah mengenai kekurangan bahan-bahan mentah. Ini merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh industri-industri kecil. Kerapkali terdapat masalah memperolehi bahan-bahan mentah dan mungkin mendapat bahan-bahan yang inferior. Banyak syarikat-syarikat kecil juga mengadu akan harga bahan-bahan mentah yang kian meningkat.

Kelima, ialah masalah yang dihadapi oleh industri-industri kecil adalah seperti pemasaran, pengurusan serta technology yang baik. Umpamanya sebuah firma yang kecil kerapkali tidak memperdulikan mutu dan quality dalam pengeluaran mereka kerana mereka ingin merendahkan kos perbelanjaan, akan tetapi pengawalan mutu adalah penting dalam menembusi pasaran yang besar.

Sebagai contoh, Batik Malaysia mesti mewujudkan pengawalan kualiti supaya percetakan dan pencelupan warna tidak terjejas. Ini amat penting kerana Batik Malaysia akan dipasarkan di luar negeri.

Pada masa sekarang Batik Malaysia hanya mengawal 16% daripada

pasaran batik di negara Jepun, ini kerana Batik Indonesia mendapat pasaran yang lebih besar.

Sebagai penutup saya menggesa Kementerian berkenaan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang disebutkan di atas. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menolong industri-industri kecil.

Saya mengesyorkan Kementerian mengambil cadangan-cadangan yang berikut ini:

- (a) meningkatkan jumlah pinjaman yang diberi kepada industri-industri kecil;
- (b) meningkatkan kemudahan kredit atau accessibility to credit kepada industri-industri kecil supaya menyenangkan mereka dalam membesarkan dan memodenkan perniagaan-perniagaan mereka;
- (c) menukarkan lebih tanah-tanah pertanian di kawasan luar bandar kepada kawasan perindustrian;
- (d) di kawasan bandar lebih banyak kilang bertingkat atau flated factories perlu didirikan dengan kos yang lebih murah;
- (e) melatih lebih ramai pekerja mahir. Insentif cukai perlu diberi kepada firma-firma kecil untuk melatih pekerja-pekerjanya;
- (f) menyediakan bengkel latihan pengurusan dan khidmat nasihat; dan
- (g) menggesa industri-industri kecil supaya bergabung dalam koperasi-koperasi dan Persatuan-persatuan Perniagaan. Ini akan menyenangkan mereka membeli bahan-bahan mentah dalam quality yang besar dan harga yang lebih murah serta juga dalam pemasaran mereka.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Gopeng.

4.40 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 264, Maksud Pembangunan 56, Butiran 03000 industri-industri kecil. Setelah membandingkan peruntukan bagi tahun 1987 dan tahun 1988 saya dapati ada pertambahan sebanyak \$1,830,000. Dengan pertambahan peruntukan ini saya berharap lebih banyak lagi industri-industri kecil akan diwujudkan khususnya di kawasan luar bandar. Saya menyebut kawasan luar bandar kerana penduduk-penduduk kawasan luar bandar kini ramai yang menghadapi masalah pengangguran. Di kawasan Gopeng iaitu kawasan saya misalnya ramai orang khususnya muda-mudi menganggur disebabkan oleh beberapa faktor antaranya:

- (i) Kemelesetan ekonomi;
- (ii) penutupan lombong-lombong bijih timah.

Kini kita sedia maklum bahawa di Lembah Kinta di Negeri Perak berbagai jenis industri dan kilang semua ditumpukan di kawasan yang berhampiran dengan Ipoh khususnya di kawasan Tasek. Tetapi nampaknya tiada satu pun kilang didirikan di kawasan Gopeng meskipun para penduduk di Gopeng sudah berkali-kali memintanya.

Tuan Pengerusi, oleh sebab itu saya menyeru kepada pihak Kementerian supaya memikirkan kemungkinan menubuhkan beberapa jenis industri kecil di sekitar kawasan Gopeng. Ini bukan sahaja untuk meringankan kesan buruk pengangguran tetapi juga bertujuan untuk membangunkan Gopeng yang agak mundur berbanding dengan kawasan lain. Dalam soal penubuhan industri kecil, saya yakin Gopeng tidak kekurangan tanah

kerana banyak tanah bekas lombong yang kini terbiar yang boleh digunakan secara berfaedah kepada penduduk-penduduk tempatan.

Tuan Pengerusi, beralih kepada Butiran 02800 berhubung dengan industri kampung, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu jika boleh berapakah jumlah industri kampung yang telah ditubuhkan di kawasan Gopeng dan apakah jenis-jenis industri itu. Saya membangkitkan masalah ini kerana ada rungutan daripada penduduk-penduduk Gopeng bahawa Gopeng seolah-olah telah dilupakan oleh Kementerian dalam bidang industri kampung.

Sebagai langkah-langkah untuk membantu mengatasi masalah pengangguran di kawasan Gopeng, saya juga ingin mencadangkan:

- (1) pihak Kementerian menubuhkan industri kampung, kalau kini masih tidak ada di kawasan Gopeng, jikalau sudah ada harap diperbanyakkan lagi jenis-jenis industri kampung itu;
- (ii) selain daripada kampung-kampung tradisional diharap juga dapat ditubuhkan beberapa jenis industri kampung dan kampung-kampung baru dan ladang getah. Ini disebabkan ramai muda-mudi dari kampung baru dan estet juga menghadapi masalah yang sama, masalah pengangguran seperti muda-mudi di kampung-kampung tradisional.

Beralih kepada Butiran 02900—Kemajuan Perkampungan. Saya merasa kecewa sedikit kerana peruntukan bagi tahun 1988 cuma token sahaja iaitu \$10 berbanding dengan \$1 juta pada tahun 1987. Kampung baru sebenarnya kini boleh

dikatakan sudah berusia lebih daripada 30 tahun dan hasil daripada pertumbuhan penduduk secara pesat iaitu dari kira-kira separuh juta orang dalam tahun-tahun 50an menjadi satu setengah juta orang pada masa sekarang.

Kini penduduk-penduduk kampung baru menghadapi masalah kesesakan yang agak serius. Sepanjang pengetahuan saya kelima-lima kampung baru di kawasan Gopeng iaitu Kampung Baru Simpang Pulai, Jeram, Lawan Kuda, Kobisan Baru dan Chenderong semuanya menghadapi masalah yang sama, malahan kesesakan yang agak serius, kekurangan tanah untuk dijadikan tapak rumah. Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan:

- (1) kawasan kampung baru diperluaskan untuk menampung pertambahan penduduk yang pesat itu;
- (ii) sebagai satu alternatif memikirkan ataupun Kementerian memikirkan pembukaan kampung-kampung tersusun untuk menampung penduduk-penduduk kampung baru dan rancangan kampung tersusun juga akan memberikan manfaat kepada penduduk-penduduk kampung tradisional dan juga penduduk-penduduk estet yang memerlukan rumah.

Tuan Pengerusi, Butiran 01700 dan 02000 berhubung dengan bekalan elektrik dan bekalan air di kawasan luar bandar.

Dalam soal bekalan elektrik dan air bolehlah dikatakan pada masa sekarang kebanyakan kawasan luar bandar sudah menikmati kemudahan elektrik dan air paip. Namun dari segi mutu banyak lagi masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar. Misalnya bekalan elektrik itu ada tetapi sering terputus, air paip itu juga sering menjadi kering di kawasan luar

bandar, misalnya di kawasan di Kobisan Baru dan di Lawan Kuda. Masalah ini selalu timbul.

Justeru itu saya menyeru supaya pihak Kementerian mengambil berat masalah mutu kemudahan asas yang disediakan dan mengambil langkah-langkah positif untuk mengatasinya.

Tuan Pengerusi, akhir sekali berhubung dengan bekalan air di ladang. Banyak ladang masih didapati bekalan air yang disediakan itu tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Misalnya air itu banyak yang masih tercemar dan berhubung dengan bekalan elektrik di ladang-ladang juga didapati bahawa dibanyak ladang generator yang digunakan cuma dihidupkan untuk beberapa jam sehari meskipun ladang itu dimiliki oleh pihak-pihak swasta dan bekalan elektrik bukan dibawah program Kerajaan tetapi saya masih berpendapat bahawa pihak Kementerian boleh membuat sesuatu misalnya berunding dengan tuan punya estet berkenaan untuk memastikan mutu kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air itu dapat dipertingkatkan.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Ygandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.50 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh B. 56, Butiran 040000 Majlis Amanah Rakyat, mukasurat 261.

Tuan Pengerusi, di bawah skim pinjaman MARA ini kalau diperhatikan di ruangan P. 56, Butiran 01100 tidak ada peruntukan dibuat untuk pinjaman perniagaan bagi Semenanjung tahun 1988 nanti, bagaimanapun kita percaya ada

peruntukan pinjaman itu. Apa yang perlu diingatkan kepada MARA dalam masalah pinjaman ini ialah tentang bertambahnya kesedaran orang Islam di negara ini tentang kemungkaran riba. Walaupun ramai juga orang Melayu yang tidak ambil pusing masalah bunga, tetapi bilangan yang cuba mengelakkan bunga bertambah. Orang-orang ini mulai menjauhkan diri dari pinjaman MARA. Orang yang mengelakkan bunga ini adalah antara orang yang amanah, orang yang takutkan bunga teniulah dia juga takut dosa tidak membayar hutang. Oleh itu, jenis orang inilah yang perlu dibantu oleh MARA.

Setakat ini MARA tidak berminat untuk melepaskan amalan memungut bunga ini. Pernah MARA menghantar pegawainya ke Pakistan untuk mempelajari sistem untuk membebaskan amalan bunga, malangnya pegawai yang cuma seorang itu meninggal dunia apabila pulang ke negara ini. Lepas itu MARA lupa langsung tentang masalah itu, sampai sekarang belum ada usaha untuk mengadakan sistem pinjaman takberbunga.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Bank Islam telah menjalankan sistem pinjaman tanpa bunga mungkin ada kritik dalam masalah Bank Islam, tetapi MARA bolehlah mempelajari kejayaan dan kelemahan Bank Islam. Ia tidak perlu menghantar orang ke Pakistan lagi kerana Bank Islam sendiri boleh membantu MARA untuk membersihkan badan ini dari menjadi penerima bunga.

Tuan Pengerusi, satu dari ikhtiar MARA untuk memajukan bumi-putera dalam bidang perniagaan ialah mengadakan bimbingan usahawan, tetapi saya tidak pasti sejauh mana MARA boleh menjadi contoh yang baik dalam memajukan perniagaan sedangkan MARA adalah tempat pergantungan kemajuan

bumiputera ini. Saya ada mendengar dan ingin mendapat kepastian adakah MARA sudah membuat penyiasatan tentang industri Sate Ria yang bukan sahaja berniaga dalam negeri tetapi berniaga juga di luar negeri. Maklumat yang saya dengar Sate Ria menghadapi masalah kemerosotan perniagaan. Kalau disahkan nanti benar Sate Ria merosot atau rugi, maka ia satu tamparan kepada MARA kerana MARA terlibat secara langsung dalam perniagaan ini. Kalau MARA sendiri dalam perniagaan ini tidak menyaingi Sate Kajang misalnya dan lain-lain peniaga sate yang tidak dapat nasihat MARA, maka ia akan menggelikan orang tentang khidmat MARA. Saya syorkan supaya MARA memeriksa perniagaan Sate Ria dan juga kalau benar ia rugi pastikan sebab-sebabnya.

Tuan Pengerusi, Butiran 030000 Pembangunan Koperasi, muka surat yang sama.

Dalam aktiviti ini terdapat satu inisiatif untuk membantu koperasi-koperasi yang kini berpotensi untuk mendapat pinjaman. Saya ingin hendak memastikan tentang perjalanan atau cara bekerja bagaimana ia memproses bantuan ataupun pinjaman kepada koperasi ini. Biasanya bahagian ini mempunyai peruntukan yang besar sekitar \$12 juta setahun dengan 4 orang pegawai adalah suatu yang baik bagi Kerajaan, sumber galakan kepada koperasi, tetapi yang mustahak di sini bagaimanakah pinjaman itu diproses dengan hanya 4 orang pegawai untuk memperhatikan permohonan yang dibuat dari seluruh negara.

Kebimbangan saya ini ialah cara memberi pinjaman ataupun bantuan yang dibuat oleh kakitangan yang terhad tidak cukup peluang untuk mengkaji semasak-masaknya projek dan masalahnya, lalu tergesa-gesa

mengeluarkan pinjaman, nanti akhirnya pinjaman itu tidak dapat dipungut semula. Tambah kebingungan, dengan tenaga yang terhad itu akhirnya keputusan terletak di tangan Menteri. Sehingga inipun saya ada terdengar di Kelantan kononnya ada koperasi mendapat pinjaman, tetapi tidak pernah membayar pinjaman itu, Kita tidak mahu Kerajaan mengeluarkan banyak belanja tetapi bumiputera tetap tidak terbela.

Dalam masalah koperasi ini juga saya hendak menyentuh.....

Tuan Hashim bin Safin: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Tanah Merah bendakkan penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan, boleh?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak cukup masa, tak payah.

Tuan Hashim bin Safin: Sama-sama Kelantan, fasal koperasi Kelantan, saya pun Pengerusi Koperasi peringkat daerah dan peringkat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Nanti dahulu Yang Berhormat!

Tuan Hashim bin Safin: Tak boleh?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat beri atau tidak?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tak beri.

Tuan Hashim bin Safin: Tak beri, biarlah.

Seorang Ahli: Tak acilah!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Masa dia ada.

Dalam masalah koperasi ini juga, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh tentang KPD, bukan KPD MCA tetapi KPD orang Melayu, iaitu Koperasi Pembangunan Daerah yang menjadi sebahagian dari tanggungjawab Menteri ini. KPD ini diharapkan mendapat kemudahan mengambil kontrak projek-projek di luar bandar yang hendak dijalankan di daerah-daerah masing-masing. Mereka mendapat lesen besar dari Kerajaan atau JKR untuk mengambil kontrak-kontrak, malangnya negara sekarang tak cukup duit dan kerja pula banyak diswastakan, oleh itu tidak banyak projek yang dapat dijalankan oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, jadilah KPD orang Melayu itu ada lesen tak ada kerja, samalah seperti mahasiswa yang ada ijazah tetapi tak cukup pekerjaan.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada butiran 020000—Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, sila gulungkan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam pembangunan masyarakat ini, saya suka menarik perhatian Kerajaan kerana pada satu masa dahulu saya ada mendengar pihak Kerajaan ataupun Menteri yang berkenaan menyatakan beliau akan berusaha untuk menambah gaji atau bayaran guru-guru KEMAS. Apa yang menarik perhatian saya ialah kerana kita tahu dan kita sedar Kerajaan dalam keadaan merosot, dalam keadaan kekurangan wang dan masih banyak pengangguran dalam negara kita terutama sekali siswazah-siswazah dan mengenai gaji mereka pun kalau dapat kerja akan dikurangkan, tetapi bagaimanakah Menteri yang berkenaan boleh mengeluarkan kenyataan menyatakan akan menaikkan gaji kakitangan

KEMAS, sedangkan KEMAS ini kita tahu usaha dan tujuannya tidak lebih daripada tujuan politik dan untuk memberikan peluang kepada anggota-anggota Parti UMNO yang tidak ada kerja. Pada pandangan saya, tujuannya tidak lebih daripada itu dan satu ketika dahulu.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak beri jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia tak beri jalan, sila duduk!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Satu ketika dahulu, saya mencadangkan kelas KEMAS ini perlu dikaji semula.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli Yang Berhormat menggulungkan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya akan tamatkan. Pada satu masa dahulu saya telah mencadangkan kepada Kerajaan supaya kelas KEMAS ini perlu dikaji dan kalau boleh dihapuskan terus demi untuk menjaga kewangan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

5.02 ptg.

Tuan Mohamed bin Haji Isa (Kuala Kerai): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini dan juga pegawai-pegawainya kerana sejak Kementerian ini diwujudkan telah banyak memberikan perubahan

kepada pembangunan negara dan pembangunan masyarakat dan sebagainya berhubung dengan perkara bagi memberikan pengajaran dan pelajaran kepada setiap penduduk di negara ini.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh muka surat 262, Butiran 00400 Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA). Dalam peruntukan yang disediakan \$1.6 juta bagi tahun 1988 dan berkurangan kalau hendak dibandingkan dengan peruntukan pada tahun lepas.

Pada pandangan saya TABIKA yang dianjurkan oleh Pejabat Kemajuan Masyarakat di bawah Kementerian ini mendapat sambutan yang begitu baik sama ada kelas TABIKA ini diadakan di kawasan bandar, lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan luar bandar. Sebab saya nyatakan demikian, Tuan Pengerusi, di kawasan saya sahaja, tak kurang terdapat 5 kelas yang saya lihat, yang muridnya lebih daripada 80 orang satu kelas dan ada satu kelas itu pula terpaksa di adakan di waktu petang kerana memandangkan kepentingan dan keperluan masyarakat tempatan.

Jadi, dalam soalan ini, saya suka mencadangkan kepada Kementerian ini supaya peruntukan kepada TABIKA ini dikaji dan ditambah kerana di sinilah asas menentukan pembentukan masyarakat dan generasi yang akan datang, yang boleh kita asuh, yang boleh kita didik supaya itu, kanak-kanak itu menjadi warganegara yang berguna kerana di sini kita telah memberikan asuhan dan didikan daripada kecil dan pembentukan yang memberi pelajaran sedikit sebanyak dari segi keagamaan dan sebagainya.

Maka ini amatlah penting dan perlu kerana keperluan masyarakat hari ini begitu berminat sekali supaya anak-anak mereka diberi pelajaran dan pendidikan pra-sekolah, kalau hendak

dibandingkan dengan sambutan dan keperluan masyarakat pada masa yang lepas.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang butiran 00900—Kemajuan Koperasi, saya suka menyatakan di sini Koperasi Daerah yang dianjurkan oleh Kementerian ini telah mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat kerana saya dapati bertambah keahlian mereka yang ingin menyertai Koperasi-koperasi Daerah, cuma apa yang saya hendak minta ialah supaya koperasi ini dapat berjalan dan bergerak dengan lebih cergas lagi pada masa yang akan datang supaya Kerajaan atau Kementerian ini dapat mengadakan Pegawai Kerja bagi menjaga dan menjalankan koperasi ini dengan menubuhkan pejabat Koperasi Daerahnya sendiri. Walaupun saya tahu, Tuan Pengerusi, koperasi ini di bawah pengawasan Pejabat Kerajaan dan dilantik Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya daripada pemimpin-pemimpin masyarakat yang berkebolehan dan berpengaruh di satu-satu kawasan. Dan juga saya berharap koperasi ini dapat kemudahan bagi mendapat sebarang lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh mana-mana Kementerian sama ada oleh JKR ataupun lain-lain Kementerian supaya dapat menjalankan perniagaannya di kawasan masing-masing.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang butiran 01100—Majlis Amanah Rakyat (MARA), saya suka menyatakan di sini bahawa saya tidak bersetuju dengan pendapat yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang telah melahirkan tuduhan kepada MARA. Jadi, dengan itu saya sebagai seorang bangsa Melayu dan beragama Islam menyatakan dukacitalah kepada seorang pemimpin khususnya Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan MARA begitu tidak baik kerana selama ini MARA telah

memberikan pertolongan kepada masyarakat Melayu, terutama sekali kalau kita lihat dari segi bertambahnya peruntukan bagi tahun 1988, kalau hendak dibandingkan dengan peruntukan biasiswa yang telah disediakan bagi tahun 1987 begitu meningkat.

Ini adalah satu daripada usaha yang dijalankan oleh MARA untuk membantu terutama sekali pelajar-pelajar bagi melanjutkan pelajaran mereka sama ada ke pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri atau pun di luar negeri dan saya percaya pihak MARA tidak mengecualikan dari segi pembiayaan biasiswa ini sama ada mereka itu daripada anak-anak penyokong Kerajaan atau ahli UMNO ataupun anak-anak orang PAS. Dan saya berharaplah sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa berasa ragu di atas pinjaman-pinjaman MARA ini supaya dapat menyeru penyokong-penyokong PAS jangan membuat pinjaman daripada MARA (*Tepuk*) kerana ini amatlah mengelirukan sekali. Kalaulah Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa melahirkan perkara ini yang mana telah menyentuh sedangkan perkara ini adalah sebagai satu perkara yang mempunyai kepentingan negara dan kepentingan bangsa kita pada masa yang akan datang.

MARA telah melahirkan bermacam-macam usaha, pertolongan sama ada dalam segi perniagaan ataupun sebarang kegiatan untuk menolong kaum bumiputera di negara kita ini. Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu jahil tentang usaha-usaha yang dijalankan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Jangan cakap begitu, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Haji Isa: Mungkin ada, Tuan Pengerusi

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, dia minta penjelasan. Beri atau tidak?

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Saya rasa dia tadi tidak beri ketika kawan saya minta penjelasan. Saya pun tidak payah berilah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran): Dia tidak beri.

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Masa singkat sangat. Macam mana dia rasa kalau kita tidak beri? (*Ketawa*)

Jadi, Tuan Pengerusi, usaha-usaha yang dijalankan oleh MARA ini semua pihak mengambil perhatian dan memberi sanjungan yang tinggi. Dalam soal ini juga saya suka menyatakan supaya pihak MARA dapat mengkaji dan dapat menubuhkan lebih banyak lagi Maktab-maktab Rendah Sains MARA kalau boleh di tiap-tiap jajahan di seluruh negara kita ini untuk memberi kesempatan dan peluang kepada anak-anak penduduk-penduduk di kawasan luar bandar menikmati pelajaran di semua peringkat.

Tuan Pengerusi, menyentuh tentang Butiran 01700, Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Walaupun bagi tahun 1988 peruntukan begitu sedikit kalau hendak dibandingkan dengan tahun 1987 dan saya percaya Kerajaan dapat mengkaji dari masa ke semasa untuk menambah peruntukan ini kerana masih banyak lagi kawasan-kawasan luar bandar terutama di kawasan pendalaman yang tidak mempunyai bekalan elektrik yang sempurna. Maka dengan sebab itu saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya dapat ditambah peruntukan-peruntukan ini untuk memberi kemudahan bekalan elektrik.

Satu lagi saya suka juga mencadangkan supaya bekalan elektrik luar bandar yang berfungsi selama 12 jam hari ini dapat dinaikkan menjadi berfungsi 24 jam kerana banyak bekalan-hekalan elektrik di luar bandar ini hanya diberi selama 12 jam sedangkan di kawasan-kawasan bandar telah mendapat khidmat 24 jam.

Jadi, dengan sebab itu mana-mana kawasan yang mempunyai 12 jam bekalan elektrik ini dapat dijadikan 24 jam.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulungkan.

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Tuan Pengerusi, saya rasa Kementerian ini telah banyak memberi perhatian dan pengorbanan kepada usaha-usaha untuk membangunkan masyarakat luar bandar di dalam semua aktiviti kegiatannya yang telah memberi kemudahan asas dari segi bekalan air, api dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan bagi Kementerian ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kluang.

5.13 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 263, Butiran 02300 Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar dan Butiran 02500 Pembangunan Masyarakat, 01.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1982 sebatang jalan merah yang panjangnya kira-kira 18 kilometer telah dibina untuk menghubungkan Paloh dengan bandar Kluang di negeri Johor. Mengikut perancangan, jalan Paloh—Kluang ini akan diturap dengan simen.

Penduduk-penduduk Paloh meletakkan harapan yang tinggi terhadap projek perintis ini. Idea yang dilahirkan membanggakan, sekali gus menggalakkan. Sebaik sahaja kerja pembinaan jalan dimulakan rumah-rumah juga dibina di sepanjang jalan ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, rumah-rumah yang siap dibina dibiarkan kosong sahaja. Ini adalah kerana jalan tanah merah ini masih belum diturap dengan simen. Setiap kali kenderaan lalu-lalang di jalan merah, habuk berterbangan dan sungguh mendukacitakan kerana projek perintis ini masih belum siap tagi. Oleh itu penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran dengan jalan itu sudah menderita 5 tahun. Entah bila penderitaan mereka akan berakhir.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, walaupun jalan ini tidak diturap dengan tar atau simen dia amat penting kepada penduduk-penduduk yang tinggal di ladang-ladang berhampiran dengan jalan itu.

Berdasarkan anggaran kasar kira-kira 20,000 penduduk dari kawasan yang berhampiran menggunakan jalan ini. Kawasan berhampiran ini termasuklah Ladang Tering, Ladang Paloh, Ladang Kekayaan, Ladang Timur, Ladang Landak, Ladang Pamoh dan lain-lain yang berjumlah 12 buah ladang.

Rayuan telah dikemukakan kepada Kementerian yang berkenaan beberapa kali tetapi tidak berjaya pula. Selalunya jawapan Menteri berkenaan ialah Kementeriannya tidak ada duit. Manakala Timbalannya menegaskan projek kemudahan asas pun terpaksa ditangguhkan kerana kemelesetan ekonomi. Bilakah kita akan hentikan memperalatkan alasan kemelesetan ekonomi.

Lebuhraya di negara kita bertaraf antarabangsa. Tetapi jalan di luar bandar jauh dari memuaskan. Oleh itu

saya menggesa Menteri yang berkenaan bersimpati dengan rakyat yang telah menunggu 5 tahun. Sekiranya jalan tanah merah itu diturap dengan tar atau simen 4 kilometer setahun, maka projek itu sudahpun siap.

Kementerian yang berkenaan telah meminta \$67,170,000 peruntukan untuk tahun 1988. Sebenarnya kurang daripada 3% peruntukan ini sudah cukup untuk membiayai projek ini. Di samping itu harga simen telah turun kerana kelembapan industri perumahan. Ini bermakna kos menurap jalan ini dengan simen semakin murah.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menggesa Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberi sedikit peruntukan supaya jalan tanah merah ini dapat diturap dengan simen.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin merujuk kepada muka surat 263 Butiran 01700 mengenai bekalan elektrik luar bandar 01, di bawah Semenanjung.

Tuan Pengerusi, banyak kampung di negeri Johor telah mendapat bekalan hidro elektrik tetapi Kampung Chamek di kawasan Keluang adalah salah satu kampung yang masih belum dapat menikmati kemudahan ini walaupun kampung itu telah diisytiharkan sebagai salah satu kampung baru. Buat masa ini penduduk kampung seramai 2,500 ini tidak diterangi oleh bekalan elektrik dari janakuasa yang selalu rosak. Ini kerana janakuasa yang digunakan sekarang adalah janakuasa yang terpakai atau second hand. Oleh itu bekalan elektrik sentiasa terputus.

Saya dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Paloh selalunya mengadakan sesi dialog dengan penduduk setiap dua minggu. Selalunya kita bermula dengan lampu-lampu terang tetapi pertengahannya pula bekalan elektrik

terputus dan pembesar suara itu pun tidak boleh dipakai. Kita terus bercakap dalam kegelapan kerana kita tidak tahu bila bekalan elektrik akan dihidupkan atau restored. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan pernah mengalami keadaan sedemikian?

Lembaga Letrik Negara daerah Keluang telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya peruntukan sebanyak \$804,000 diperolehi dari Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri Johor meluluskan peruntukan itu.

Buat masa ini penduduk-penduduk di kampung Chamek masih menunggu lagi peruntukan itu dari Kementerian berkenaan. Saya harap pemberian peruntukan ini disegerakan supaya penduduk-penduduk luar bandar juga dapat menikmati sedikit-sebanyak hasil kemajuan dan pembangunan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

5.27 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 010000, Pentadbiran Am, Kod 10000—Emolumen, muka surat 261.

Tuan Pengerusi, tujuan Kementerian ini ialah untuk memupuk pembangunan negara pada masa hadapan khususnya kawasan-kawasan luar bandar dan keperluan hidup yang seimbang kepada setiap rakyat di negara ini sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Mengikut jawapan Kerajaan kepada saya, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurang daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 39.6% pada 1976 dan 29.0% pada 1979 dan seterusnya kepada 18.4% pada tahun 1984.

Peratusan-peratusan kadar kemiskinan bagi 1985 dan 1986 tidak diberi oleh kerana mengikut Kerajaan data-data selepas 1984 belum lagi diperolehi. Walau bagaimanapun, kadar kemiskinan bagi 1985 dan 1986 dijangka meningkat sedikit dari tahap yang dicapai pada 1984 akibat kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara dalam tempoh tersebut. Saya pernah dua kali bertanya Kerajaan berkenaan dengan angka pendapatan sebuah keluarga dikira sebagai garisan kemiskinan bagi setiap tahun sejak 1980, tetapi saya masih belum dapat jawapan yang tepat lagi.

Di bawah kadar ini bagaimanakah Kerajaan dapat meyakinkan rakyat kita mempercayai angka-angka yang diberi tersebut iaitu kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurang dari 49.3% pada 1970 kepada 18.4% pada 1984 sedangkan kita ada angka-angka garisan kemiskinan pada 1970 dan 1984 diumumkan. Saya tidak tahu sama ada garisan kemiskinan telah dijadikan sebagai satu bahan rahsia Kerajaan dan tidak boleh diumumkan. Tetapi apa yang saya dapat pasti ialah orang-orang akan mempercayai usaha-usaha Kerajaan atas pembasmian kemiskinan sebaik lagi Kerajaan belum mengumumkan kriteria garisan kemiskinan bagi tiap-tiap tahun.

Tuan Pengerusi, sungguhpun 18 bulan telah berlalu sejak pengumuman Yang Berhormat Dato' Chan Siang Sun, bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelang Pilihanraya Umum 1986, bahawa Kerajaan akan memilih 48 buah kampung baru yang mana setiap buah kampung baru itu akan diberi peruntukan keutamaan sebanyak \$5 juta untuk pembangunannya tetapi dukacitanya sehingga hari ini manakah kesemua 48 buah kampung baru itu masih belum diberitahu lagi. Saya telah pun dua kali membangkit perkara ini melalui pertanyaan-pertanyaan lisan di Dewan ini dan

malangnya kedua-dua kali soalan saya diatur di belakang dan tidak dapat di Jawab Mulut oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan. Lebih kesal lagi ialah dalam Jawapan Bertutis yang saya terima, langsung tiada sebarang nama kampung baru disebutkan. Saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Menteri benar-benar tidak faham apa pada maksud pertanyaan saya atau sengaja mahu mengelakkan jawapan sahaja. Walau bagaimanapun, saya minta nama-nama ke 48 buah kampung baru ini akan diumumkan apabila Yang Berhormat berkenaan memberi jawapannanti.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 02900 Kemajuan Pembangunan, muka surat 264. Saya mengalu-alukan semua bidang kuasa Kampung Baru dipindahkan masuk ke Kementerian ini pada tahun lalu dan moga-moga penduduk-penduduk di Kampung Baru akan sepahit-semanis dengan penduduk-penduduk kampung tradisi dengan menerima layanan yang sama. Apa yang memeranjatkan saya ialah apabila saya membaca Belanjawan Pembangunan Kemajuan Perkampungan bagi tahun hadapan di mana saya terlihat hanya sebanyak \$10 peruntukan token diberi sahaja berbanding dengan sebanyak \$1 juta diperuntukkan bagi tahun - ini. Bukankah ini bererti bahawa semua Kampung Baru tidak ada dapat sebarang peruntukan pembangunan bagi tahun hadapan. Saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan khasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri dari MCA yang dikatakan mewakili rakyat kita keturunan Cina mengambil berat tentang perkara ini dan memberi peruntukan tambahan apabila mengemukakan Rang Undang-undang Tambahan bagi 1988 kelak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

5-27 *ptg.*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 261 iaitu Maksud Bekalan B.56 Butiran Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA).

Tuan Pengerusi, tugas asas Lembaga ini ialah pemulihan dan penyatuan tanah. Oleh itu FELCRA wajib menumpukan perhatian kepada tanah-tanah terbiar yang sekarang telah meningkat beratus ribu hektar dan menjadi satu persoalan ekonomi pertanian kita. Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, saya ingin menegaskan bahawa fenomena tanah terbiar bukanlah satu perkara luar biasa ataupun satu perkara yang abnormal yang setengah orang percayai. Ianya adalah satu perkara lumrah di dalam arus pembangunan stail kapitalistik yang negara kita anuti sekarang. Pada hakikatnya dengan meningkatnya keluasan tanah yang terbiar ini adalah satu pertanda bahawa model pembangunan sosio-ekonomi kapitalisme yang kita pakai ini adalah mencapai kejayaan yang tinggi.

Tuan Pengerusi, model pembangunan sebegini menghendaki pengurangan pergantungan sebilangan besar manusia kepada sektor ekonomi pertanian. Model ini berkehendakkan pembesaran ekonomi industri dan perdagangan dan seterusnya menjadi tunjang ekonomi negara. Inilah yang berlaku di negara kita dan inilah yang dikehendaki oleh negara kita.

Penghijrahan penduduk-penduduk ke bandar yang meninggalkan tanah-tanah mereka adalah satu response ekonomi yang lojik iaitu penghijrahan ke arah tempat yang boleh memberikan rezeki yang lebih iaitu di sektor industri dan perdagangan yang bertumpu di bandar-bandar.

Tuan Pengerusi, oleh itu dengan penjelasan yang ringkas ini saya

ingin mencadangkan kepada pihak FELCRA supaya di dalam usahanya menyelesaikan masalah tanah terbiar, perkara-perkara berikut diambil perhatian:

- (a) mendesak Kerajaan-kerajaan Negeri menubuhkan land bank ataupun bank tanah untuk menjadi asas bagi mewujudkan satu sistem land exchange, dengan izin, ataupun penukaran tanah, ataupun land clearing house, dengan izin;
- (b) mengatakkan pengusahaan tanah-tanah terbiar ini mengikut cara pengurusan korporat yang mana tanah-tanah ini diserahkan kepada syarikat-syarikat atau usahawan-usahawan yang menggunakan sistem capital intensive, dengan izin. Janganlah lagi dibangunkan tanah-tanah terbiar ini secara "peasant economy", dengan izin, yang mana dibuat secara tanah 10 ekar diberi kepada peneroka-peneroka yang didatangkan dari tempat-tempat yang miskin. Selain dari memindah kemiskinan dari satu tempat ke satu tempat yang baru, misalnya seperti memindah petani padi dari Perlis ke kawasan Endau—Rompin, ianya juga berlawanan dengan strategi membandarkan bumi-putera.

Tuan Pengerusi, biarlah saya memperingatkan Dewan ini sekali lagi supaya kita jangan terjerumus ke dalam sindrom meromantisaiskan pertanian. Apabila kita bercakap tentang pembangunan ekonomi bumiputera, kita selalu sahaja memikirkan tentang macam mana hendak mencari tanah pertanian yang baru untuk diberi kepada bumiputera-bumiputera yang miskin yang menjadi sasaran pembangunan kita. Dan kita selalu sahaja mengukur kejayaan

sesuatu agensi pembangunan berdasarkan apa aspek pertanian yang diberi kepada mereka. Kita golongan yang dipanggil golongan elit ini masih lagi terkongkong dengan budaya dan nilai pertanian atau "peasant cultural values", dengan izin. Kita yang telah pun bebas dari pergantungan ekonomi kepada budaya dan sistem nilai "peasantry", dengan izin, masih mahu majoriti kaum kita iaitu kaum bumiputera terus menjadi golongan tani.

Tuan Pengerusi, saya fikir dan saya berpendapat cukuplah kita menyogokkan pembangunan secara ekonomi tani ini kepada rakyat bumiputera kita secara besar-besaran. Kalau kita hendak mereka bangunkan pertanian, biarlah dibuat secara besar-besaran seperti yang saya katakan tadi. Yang lebihnya biarlah ditumpukan kepada sektor industri ataupun sektor perdagangan yang sedang membesar di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan hujah-hujah ini, saya merujuk kepada muka surat 264 di bawah Maksud Pembangunan P.56, Butiran 02800 iaitu Industri Kampung yang mendapat \$5.8 juta untuk tahun 1988.

Tuan Pengerusi, saranan saya yang menyuruh kurangkan pembangunan secara tani ataupun "peasant development" tadi bukanlah bererti dipindah kesemua kaum tani ke bandar-bandar iaitu ke dalam sektor industri dan sektor perdagangan. Apa yang saya maksudkan ialah diwujudkan tranformasi ekonomi dari "peasant economy" kepada ekonomi pembuatan barangan siap dan separuh siap dari sumber-sumber tempatan khususnya. Industri-industri ini boleh diwujudkan di kawasan perdesaan untuk kumpulan yang tidak berhijrah ke bandar.

Kejayaan industri kampung ini bukan sahaja bergantung kepada soal-soal pengeluaran, malah yang lebih

penting ialah pemasarannya. Saya kata begini kerana kalau kita lihat pola konsumsi ataupun consumption pattern, dengan izin, di kalangan pengguna barang-barang makanan di negara kita ini dan kegunaan barang-barang domestik adalah lebih condong kepada barang-barang yang diimport walaupun barang-barang ini dapat digantikan oleh industri-industri pembuatan tempatan. Adalah sukar untuk hasil-hasil industri kampung seperti bahan-bahan makanan yang diproses untuk bertanding dengan bahan-bahan makanan yang diproses yang dibawa dari luar seperti dari Taiwan, Korea, Jepun, Indonesia, malah dari Thailand sekalipun yang ada di pasaran bebas di negara kita ini. Masalah pemasaran inilah yang patut diselesaikan dahulu oleh agensi yang bertanggungjawab di dalam Kementerian ini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, dalam hal pengeluaran ini juga saya menggesa Kemcnterian mendesak atau membuat arahan kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan supaya syarat-syarat yang ketat yang dikenakan kepada industri-industri kampung tidaklah dibuat seperti apa yang dikenakan ke atas kilang-kilang besar di bandar dan di kompleks industri seperti di Petaling Jaya, di Mak Mandin dan lain-lain kompleks industrial di negara kita ini. Saya dapat tahu bahawa syarat-syarat yang ketat seperti sistem penyaliran yang sofistikated dikehendaki untuk industri kampung seperti apa yang dikehendaki ke atas kilang-kilang besar.

Saya berpendapat syarat-syarat ini tidak perlu di kampung kerana keadaan di situ adalah berlainan dari segi kependudukan, kepadatan penduduk dan dari segi kebolehan penyaliran yang senang dibuat di kampung.

Tuan Pengerusi, saya rujuk pula kepada muka surat 263 Butiran 02300

iaitu Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar yang mendapat \$47.7 juta dan juga Butiran 01700, Bekalan Elektrik Luar Bandar serta Butiran 02000 Bekalan Air Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saya merayu lagi sekali kepada Dewan ini supaya wang ini ditumpukan kepada daerah-daerah yang telah diklasifikasi oleh SERU sebagai daerah-daerah yang paling mundur. Kawasan saya iaitu kawasan Padang Terap adalah yang menduduki tempat nombor satu di dalam kumpulan ini. Kemunduran ekonomi di kawasan-kawasan pendalaman seperti di kawasan saya adalah berkait rapat dengan kemudahan sosial iaitu prasarana asas seperti jalan kampung, jalan perdesaan dan juga bekalan air.

Kalau ada yang bertanya kepada saya yang mana menyebabkan yang mana, biarlah saya kata di sini bahawa pada masa ini dengan peluang ekonomi yang diberi kepada rakyat bertambah-tambah di kawasan desa dan di kawasan bandar oleh Kerajaan, faktor sosial iaitu faktor kemudahan-kemudahan inilah yang membawa kepada kemunduran kawasan itu. Ini ialah kerana ketiadaan kemudahan asas inilah yang tidak membolehkan penduduk-penduduk miskin mengeksploitasikan peluang-peluang ekonomi ini. Tidak perlulah saya panjangkan mengenai dengan teori ini dan dengan itu saya menyokong segala peruntukan-peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.38 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut membahas di bawah belanjawan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Yang pertamanya suka saya menank perhatian kepada muka surat 261, Maksud Bekalan B.56, Butiran 030000 Pembangunan Koperasi dan serentak dengan itu, ada kaitan yang rapat, muka surat 262, Maksud Pembangunan P.56, Butiran 00900 Kemajuan Koperasi, kerana masing-masing mempunyai peruntukan yang agak besar di mana Pembangunan Koperasi dan peruntukan bekalan sejumlah \$15.9 juta dengan kakitangan sejumlah 1000 orang dan Kemajuan Koperasi dengan peruntukan sejumlah \$11.5 juta untuk kemajuan, pinjaman dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian tentang koperasi ini di mana kita tahu di negara kita ini memang banyak koperasi-koperasi yang wujud dan memang banyak masalah-masalah yang telah lahir daripada koperasi-koperasi yang ada sehingga antara sebab-sebab yang menyebabkan ketegangan dan perbezaan di antara pihak-pihak tertentu di negara ini juga adalah salah satunya disebabkan masalah penyelesaian di dalam masalah koperasi maksud saya Koperasi Pengambilan Deposit (KPD). Ini tentunya memerlukan satu penelitian, satu perhatian, satu kajian tentang perkara-perkara yang berlaku khusus mengenai koperasi.

Untuk itu saya rasa perlu kita mengkaji dan meneliti kemungkinan untuk memperbaiki prestasi dan pembangunan koperasi di seluruh negara ini. Kita dapat melihat di bawah Butiran 030000 tadi bahawa pembangunan koperasi disebut dengan terang, dan di sini saya ingin bertanya ataupun menarik perhatian Kementerian, sejauh mana ianya dapat membangunkan koperasi-koperasi di seluruh negara kita ini. Keduanya, apakah Jabatan Pembangunan Koperasi ini memainkan peranan di dalam menyeleweng-penyelewengan perkara-perkara yang kurang baik dan tentang pentadbiran serta

perkembangan koperasi itu sendiri. Ketiganya, sejauh manakah Jabatan Pembangunan Koperasi boleh memainkan peranan untuk menyelaraskan antara koperasi-koperasi yang ada di seluruh negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya juga agak terlibat dengan kegiatan koperasi-koperasi ini dan saya rasa di antara orang yang turut merasakan peranan ataupun pentingnya bagaimana koperasi ini perlu diselaraskan. Saya dapat melihat berlaku pertindihan ataupun, dengan izin, overlapping, pertamanya di antara individu-individu yang terlibat, misalnya, Ahli-ahli Lembaga Pengarah. Kita dapati Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang menduduki banyak koperasi-koperasi, misalnya, ada yang menduduki Koperasi Pertubuhan Peladang Kawasan, menjadi Ahli Lembaga Pengarah di masa yang sama, ada yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Pekebun Kecil Getah Jajahan ataupun Daerah. Ada yang menjadi Ahli Koperasi Pembangunan Daerah dan di masa yang sama menjadi Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Guru-guru, Koperasi Tenaga Setia, koperasi-koperasi mengikut kelompok-kelompok kegiatan tertentu. Tentunya ini akan mengurangkan kekesan kerja atau khidmat Ahli-ahli Lembaga Pengarah tersebut, tetapi masih berlaku perkara itu yang perlu diteliti atau dikaji oleh Jabatan Pembangunan Koperasi.

Keduanya di segi pertindihan ini berlaku di mana ahli-ahli juga kadang-kadang orang yang sama. Ahli Koperasi Pekebun Kecil, Ahli Koperasi Pertubuhan Peladang, Ahli Koperasi Pembangunan Daerah dan koperasi-koperasi lain sedangkan masih ramai ahli-ahli koperasi ini yang hanya mempunyai yuran \$10 ataupun sekadar \$10 sejak mula masuk tahun 1970 sehingga sekarang, atau dari tahun 1980 hingga sekarang tidak

pernah bertambah. Ini sesuatu yang perlu diteliti bagaimana perlu dibuat melalui Jabatan Pembangunan Koperasi untuk memberikan makna yang lebih kepada tujuan dan pembentukan koperasi di dalam masalah pembelaan kepada rakyat-rakyat di kawasan luar bandar.

Ketiganya berlaku masalah berebut-rebut untuk mendapatkan projek-projek. Sudahlah projek ini agak terhad, kadang-kadang sesama koperasi dan di masa yang sama bercanggah di kalangan ahli Lembaga Pengarah yang berada di banyak koperasi-koperasi ataupun beberapa koperasi dan perkara ini perlu diteliti.

Oleh itu saya suka mencadangkan mengenai koperasi ini supaya pihak pentadbiran di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar membuat satu kajian yang teliti dan menyeluruh, untuk menjamin koperasi di negara kita ini mencapai matlamat yang sebenar dan untuk memberi masa hadapan yang cerah dan terjamin kepada ahli-ahli koperasi yang menganggotai koperasi itu. Sama-samalah kita meneliti atau menjamin nasib ahli-ahli koperasi yang menganggotai koperasi-koperasi ini kerana mereka ini merupakan rakyat yang memerlukan kepada pembelaan dan saya rasa satu-satunya cara Kerajaan boleh memberi pembelaan untuk mereka ini melibatkan diri secara tidak langsung untuk berniaga dalam bentuk modal yang berjuta-juta atau berbilion ringgit, adalah melalui satu pengurusan koperasi yang baik yang boleh dilaksanakan. Kalau tidak keterlaluan, saya mencadangkan supaya satu kajian dibuat, apakah mungkin satu Kementerian baru diwujudkan yang boleh dmamakan Kementerian Pembangunan Koperasi untuk menjamin koperasi-koperasi kita ini dapat diselaraskan demi kepentingan rakyat secara umum.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian sedikit dalam kaitan koperasi ini. Satu percanggahan yang terbuktt dan perlu dibuat penyelarasan ialah mengenai Koperasi Pekebun Kecil Getah dan juga Koperasi Pekebun Kecil Kebangsaan ataupun NARSCO (National Rubber Smallholder Co-operative). Di sini saya dapat melihat sedikit percanggahan di mana Koperasi-koperasi Pekebun Kecil Getah yang perlu diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi ialah terdiri daripada ahli-ahli mereka memilih melalui Mesyuarat Agung Tahunan mengikut peraturan atau Undang-undang Tubuh dan sebagainya di kalangan ahli-ahli mereka untuk menjadi Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang terpilih memilih sesama mereka untuk menjadi Pengerusi kepada Lembaga Pengarah Koperasi Pekebun Kecil Getah di peringkat Jajahan.

Begitu juga di peringkat Negeri, sesama ahli, sesama Pengerusi Lembaga Pengarah di peringkat Jajahan atau Daerah memilih sesama mereka untuk menjadi Pengerusi Koperasi di peringkat Negeri selaku penyelar. Tetapi sedikit berlaku tidak ada penyelarasan ialah di peringkat pusat atau NARSCO di mana Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil Kebangsaan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah RISDA dan perkara ini, alhamdulillah, dengan campur tangan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, nampaknya perkara itu dapat diselesaikan di dalam masalah peluang tender yang seharusnya dimiliki oleh Koperasi-koperasi Pekebun-pekebun Kecil dan mantaatnya dapat dinikmati daripada keuntungan tender-tender itu yang dapat dibuat atau dilaksanakan oleh Koperasi Pekebun Kecil.

Juga saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan

terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah memberi kerjasama dalam masalah tender yang boleh dimasuki oleh Koperasi Pekebun Kecil. Tetapi apa yang saya suka menyarankan di dalam hal ini ialah, kalau. . . .

Tuan Mohd Noh bin Rajab:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Tampin.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safm: Boleh.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Minta laluan sedikit. Saya ingin membuat penjelasan sedikit berkenaan dengan Pengerusi NARSCO. Untuk makluman Yang Berhormat dan juga ahli-ahli sekalian, bahawa Undang-undang Tubuh NARSCO memerlukan 3 daripada Ahli Lembaga pihak berkuasa RISDA untuk berada di dalam Lembaga Pengarah NARSCO. Apabila diputuskan bahawa salah seorang yang patut duduk menjadi Pengerusi NARSCO ialah Ketua Pengarah RISDA sendiri dan ini diluluskan oleh pihak berkuasa RISDA dan tidak bercanggah dengan Undang-undang Tubuh NARSCO sendiri. Ini sebagai penjelasan sahaja, terima kasih.

Tuan Hashim bin Safin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi RISDA yang baru dilantik. Apa yang saya maksudkan tadi, lahir kekeliruan di mana arahan yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan yang mengatakan koperasi-koperasi yang berkepentingan ataupun koperasi daripada jabatan berkenaan tidak boleh memasuki tender daripada Jabatan atau Kementerian yang sama dan di masa yang sama berlaku percanggahan. Saya sedang bercakap

mengenai masalah percanggahan dan ini memerlukan penyelarasan.

Dengan arahan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia bahawa koperasi-koperasi seharusnya atau sepatutnya diberi peluang untuk mendapat tender ataupun diberi terus projek-projek tertentu demi manfaat ahli-ahli yang begitu ramai. Apa yang berlaku, bila arahan daripada Kementerian Kewangan dikeluarkan secara ketubuhan Ketua Pengarah RISDA dan 3 orang wakil berada di dalam NARSCO, seolah-olah mereka ini ada conflict of interests, dengan izin, sedangkan mereka tiada conflict apa-apa. Mereka menjalankan kerja bagi pihak ahli-ahli.

Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila gutung.

Tuan Hashtn bin Safin: Sebab itu saya mencadangkan, kalau boleh kita.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta Yang Berhormat menggulung.

Tuan Hashim bin Safin: Kalau boleh kita mencari penyelarasan. Saya minta Jabatan Pembangunan Koperasi dengan bekerjasama mencari penyelarasan apakah cara penyelesaian supaya Koperasi Pekebun Kecil Kebangsaan atau NARSCO ini tidak dtanggap mempunyai kepentingan sedangkan Ketua Pengarah dan 3 orang yang diwakili itu tidak ada apa-apa kepentingan selain kepentingan untuk membela pekebun-pekebun kecil di kawasan-kawasan atau seluruh negara dengan apa cara yang boleh supaya kesempatan peluang tender-tender, bekalan, input pertanian dan sebagainya dapat dibuat atau dilaksanakan oleh pihak koperasi melalui sistem payung dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Pengerusi RISDA, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang tolong menyelesaikan masalah ini dan adalah diharapkan di masa hadapan Jabatan Pembangunan Koperasi akan mencari penyelesaian yang muktamad dalam masalah penyelarasan koperasi-koperasi di seluruh negara demi kebaikan jutaan ahli-ahli koperasi bagi seluruh koperasi yang ada.

Maka dengan itu, Tuan Pengerusi, saya turut menyokong peruntukan yang dibentangkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.51 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai): Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menceburkan diri mereka dalam perbincangan berhubung dengan peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di bawah Maksud Bekalan B.56 dan Pembangunan P.56 seperti yang dicatatkan dalam dokumen di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya aktiviti dan operasi Kementerian saya ada kaitan rapat dengan kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai bilangan penduduk sebanyak 9.8 juta orang.

Tuan Pengerusi, mengikut catatan saya terdapat seramai 8 orang anggota Parlimen di Dewan yang mulia ini yang telah menyumbangkan buah

fikiran mereka masing-masing mengenai perjalanan Kementerian saya.

Dalam perbahasan tadi ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memuji usaha yang dijalankan oleh Kementerian saya serta meluahkan cadangan-cadangan dan pandangan yang bernas. Pihak Kementerian saya menyambut baik pandangan yang telah dikemukakan supaya ia akan membantu Kementerian saya untuk menuju ke arah mencapai matlamat yang telah ditentukan. Sesungguhnya antara aktiviti-aktiviti dan program-program yang telah dilancarkan oleh Kementerian saya, sebahagian besarnya perlu diperkemas dan dikemaskinikan untuk menempuhi keadaan yang berubah-ubah. Pendek kata ini akan memerlukan tindakan-tindakan ubahsuai untuk memperkemas lagi atau, dengan izin, fine tuning program-program yang berkenaan supaya mencapai markah yang cemerlang.

Tuan Pengerusi, memanglah penting dalam pengurusan Kementerian saya, kita terpaksa mengawasi supaya objektif yang ditentukan adalah menjadi pedoman dan perjalanan urusan Kementerian saya tidak tergelincir daripada objektif yang telah ditentukan iaitu:

- (a) meningkatkan taraf kehidupan masyarakat luar bandar;
- (b) menambah peluang-peluang pekerjaan masyarakat luar bandar;
- (c) mempertingkatkan pendapatan penduduk luar bandar;
- (d) menggalakkan penggunaan sumber-sumber tempatan secara optima;
- (e) menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur;
- (f) mengadakan program-program ekonomi yang sesuai dengan

tingkat kemahiran dan kebolehan masyarakat luar bandar;

- (g) menyediakan kemudahan-kemudahan sosial;
- (h) mengurangkan pergantungan masyarakat kepada Kerajaan; dan
- (i) mewujudkan satu masyarakat yang gigih, berdikari dan bekerjasama.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bakri, Gopeng, Pengkalan Chepa, Kuala Kerai, Keluang, Bukit Mertajam, Padang Terap dan Tanah Merah telah mengambil bahagian dalam perbahasan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Bakri ada menyenaraikan beberapa masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha industri kecil dan beliau telah memberikan beberapa syor untuk pertimbangan pihak Kerajaan. Mengenai masalah kewangan yang beliau telah sebutkan tadi, sebenarnya pinjaman-pinjaman adalah disediakan melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan MIDF di bawah program Bank Dunia.

Beliau ada menyentuh juga mengenai tapak tanah industri kecil. Pihak Kerajaan Negeri menyediakan tapak-tapak industri, tapak-tapak kilang yang khusus untuk industri kecil. Beliau juga ada menyentuh mengenai kekurangan tenaga mahir. Sebenarnya ada agensi-agensi Kerajaan yang memberi latihan yang khusus untuk latihan tenaga buruh.

Yang Berhormat dari Bakri ada juga menyentuh mengenai pemasaran, mutu dan kuantiti. Sebenarnya ada agensi-agensi sokongan seperti SPPIK, Karyaneka dan MARDI dan agensi-agensi lain yang telah diatitkan untuk memberikan khidmat nasihat yang berkenaan.

Mengenai syor-syor yang beliau telah bangkitkan tadi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada beliau dan Kementerian saya akan mengambil perhatian tentang syor-syor yang beliau kemukakan tadi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat yang sama ada menyentuh mengenai Batik Malaysia Berhad (BMB). Sebenarnya untuk meningkatkan mutu keluaran Batik Malaysia Berhad, pihaknya telah mengadakan hubungan pengawalan dan nasihat yang lebih erat dengan pembuat-pembuat batik yang mengeluarkan keluaran ini dengan kerjasama Perbadanan Kraftangan Malaysia Berhad. Di samping itu BMB juga merancang untuk turut sama terlibat dalam pengeluaran batik ini. Pada masa ini BMB adalah terlibat dalam perniagaan dalam pemasaran keluarannya sahaja.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng tadi ada mengatakan bahawa hanya \$10 diperuntukkan untuk kemajuan perkampungan. Maksud beliau ialah bahawa \$10 sahaja dikhususkan kepada kemajuan kawasan Kampung-kampung Baru. Ini adalah kurang tepat kerana seperti yang diputuskan oleh Kabinet adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa kawasan-kawasan Kampung Baru dan Kampung Tradisi hendaklah sama-sama dimajukan tanpa dibeza-bezakan. Oleh sebab itu, peruntukan yang sebanyak \$10 itu bukan bertujuan untuk Kampung-kampung Baru sahaja.

Ahli Yang Berhormat itu ada sentuh juga mengenai kemudahan asas di ladang-ladang. Sebenarnya Kementerian saya sedar akan perkara ini, tetapi adalah menjadi dasar Kementerian saya bahawa untuk kemudahan asas di ladang-ladang, ianya adalah terletak di bawah tanggungjawab pihak pengurusan ladang-ladang. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya akan

mengkaji masalah kemudahan asas di ladang-ladang yang telah dipecah-milik atau 'fragmented', dengan izin.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng ada juga menyentuh mengenai masalah perluasan kampung-kampung baru. Sebenarnya cadangan ini adalah satu cadangan yang baik dan ini sepatutnya boleh dijalankan di kawasan-kawasan yang berpadatan tinggi bilangan penduduknya. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu usaha ini telah pun dijalankan di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, soal perluasan kampung baru adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Pengkalan Chepa ada menyentuh heberapa soalan. Betiau mengatakan bahawa pemaju masyarakat dan pembantu pemaju masyarakat di bawah KEMAS tidak sepatutnya dinaikkan gaji mereka. Sebenarnya semua pegawai dalam kumpulan "D" dan "IMG" dalam Perkhidmatan Awam mendapat kenaikan gaji pada 1hb Julai, 1985 dan 1hb Jun, 1986. Tetapi pemaju masyarakat dan pembantu pemaju masyarakat tidak mendapat sebarang tambahan atau kenaikan elaun. Berdasarkan kepada perkara ini maka elaun pemaju masyarakat dan pembantu pemaju masyarakat telah diberi kenaikan pada 1hb Ogos tahun ini. Saya menafikan bahawa KEMAS diwujudkan untuk tujuan politik dan untuk memberi pekerjaan kepada anggota-anggota parti politik yang berkenaan. Sebenarnya KEMAS adalah diwujudkan untuk mengubah sikap dan menyemai perasaan kesedaran di kalangan masyarakat luar bandar untuk membina satu masyarakat yang maju dan berdikari.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai ada mencadangkan bahawa peruntukan tambahan diberikan kepada Taman

Bimbingan Kanak-kanak. Kementerian saya akan memohon tambahan peruntukan untuk tujuan tersebut apabila keadaan ekonomi negara pulih.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ada menuduh bahawa Sate Ria tidak begitu berjaya.

Sebenarnya projek Sate Ria di dalam negeri belum lagi menguntungkan. Walau bagaimanapun ia telah mula berupaya mengurangkan kerugiannya. Langkah-langkah telah pun diambil, antara lain, melalui usaha-usaha mengurangkan kos dan menutup outlet-outlet yang rugi dan tidak strategik. Di samping itu konsep perniagaannya telah diperluaskan kepada konsep gerai yang didapati mendapat sambutan yang memuaskan. Seterusnya Sate Ria bercadang membuka outlet secara sistem franchise di luar negeri yang didapati telah mendapat sambutan yang baik. Melalui sistem franchise di luar negeri ini, Sate Ria akan mendapat pendapatan dalam bentuk pembayaran franchise dan royalty yang menjadi punca utama perniagaan dalam bentuk franchise. Dengan langkah-langkah pengurangan kos, penutupan outlet yang rugi, perluasan perniagaan dalam konsep gerai dan perkembangan franchise di luar negeri, Sate Ria dijangka akan menjadi satu bidang perniagaan yang lebih berjaya tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga ada menyebut mengenai KPD. Sebenarnya KPD telah diberi lesen kontrak kelas "F" sahaja, tetapi ada juga KPD yang telah maju dan telah mendapat lesen kontrak yang lebih tinggi sehingga kelas "A" dan KPD yang maju ini kenalah bertanding dengan kontraktor-kontraktor lain. Ada juga KPD yang telah raenceburkan diri dalam bidang

perdagangan dan perusahaan termasuk pertanian dan tidak setakat kerja-kerja kontrak sahaja.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Kluang telah menimbulkan masalah Kampung Baru Chemek yang tidak mendapat bekalan elektrik dan juga menyentuh mengenai permohonan untuk peruntukan sebanyak \$840,000. Perkara ini adalah spesifik dan permohonan beliau akan dikaji dan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan api, air dan jalan. Memanglah benar bahawa masih terdapat kawasan-kawasan tertentu yang masih belum dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas itu. Namun kita terpaksa mengingatkan diri kita sendiri masing-masing bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat jelata di kawasan luar bandar, tetapi tidak ada satu Kerajaan pun dalam dunia ini yang boleh berbuat demikian dalam sekelip mata. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu sistem pengenalan projek telah lama wujud supaya dapat ditentukan keutamannya bagi projek-projek masing-masing. Pihak Kementerian saya menganggapkan sistem ini adalah memuaskan kerana penyelarasan yang melibatkan Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah adalah satu cara yang berkesan supaya tidak ada pertindihan dalam perancangan jangkamasa pendek, jangkamasa sederhana dan jangkamasa panjang untuk projek-projek yang memerlukan pembiayaan peruntukan wang dari Kementerian saya.

Walaupun bagaimanapun, jika terdapat kes-kes yang luar biasa seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang, Kementerian saya telah mewujudkan satu mekanisme untuk menyemak dan mengkaji bakal projek

yang mungkin diabaikan atau tercicir daripada senarai projek yang diterima di peringkat Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam menimbulkan masalah projek-projek pembangunan growth centre, dengan izin, bagi kampung-kampung baru. Sebenarnya, Kerajaan pada tahun 1986 telah membuat satu kajian yang menyeluruh mengenai kawasan-kawasan kampung baru, dan hasil kajian itu menunjukkan bahawa terdapat 48 kampung baru yang mempunyai potensi bagi dibangunkan, tetapi perancangan atau pembangunan sebarang growth centre, dengan izin, adalah bergantung kepada keadaan kewangan Kerajaan dan sebenarnya.

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap!

Tuan Ng Cheng Kuai: peruntukan kewangan hendaklah diperolehi daripada khazanah iaitu Kementerian Kewangan terlebih dahulu sebelum dapat dijalankan sebarang projek.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tunggu sekejap! Ya, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

Tuan Chian Heng Kai: Minta penjelasan!

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Boleh.

Tuan Chian Heng Kai: Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa 48 buah kampung baru telah dikenalpastikan. Jadi saya minta Timbalan Menteri memberitahu nama 48 buah kampung baru itu.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Pengerusi, nampaknya betiau degil sedikit, hendak mendapatkan senarai kampung-kampung baru yang telah dikenalpastikan, tetapi saya fikir tebih elok bahawa apabila peruntukan kewangan diperolehi dahulu barulah diumumkan senarai yang berkenaan. Kalau tidak, mungkin ada orang yang akan, dengan izin, go to town dengan senarai itu untuk tujuan politik masing-masing.

Tuan Chian Heng Kai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tidak puas hati agaknya.

Tuan Ng Cheng Kuai: Boleh.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Pengerusi, mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak berani mengumumkan nama-nama 48 kampung baru itu dan adakah ianya hanya satu helah atau tipu sahaja, oleh kerana mungkin langsung tidak ada satu kampung baru pun dipilih?

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Pengerusi, ini bukan satu masalah berani atau tidak berani, ini adalah masalah bijak atau kurang bijak. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, ada beberapa orang Ahli Parlimen yang memberikan pandangan mereka tentang perjalanan Jabatan Pembangunan Koperasi dan saya ucapkan terima kasih kepada mereka. Sebenarnya Kementerian saya telah menyemak Akta Syarikat Koperasi supaya dapat dikawal perjalanan koperasi pada masa-masa yang akan datang dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah kerana telah memberikan buah tikiran yang begitu bernas.

Sebenarnya dengan penyemakan Akta Koperasi tersebut ada beberapa pindaan yang akan dicadangkan termasuk menyelaraskan Undang-undang Koperasi di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Untuk maksud ini Akta Koperasi No. 33 tahun 1948 akan diperluaskan untuk meliputi negeri Sabah dan Sarawak, dan dengan itu Ordinan Koperasi negeri Sabah dan Sarawak akan dengan sendirinya terbatal.

Pindaan-pindaan berkaitan dengan penerimaan deposit oleh koperasi-koperasi akan juga dibuat. Pindaan-pindaan ini bermaksud untuk menghadkan penerimaan deposit tertentu atau dengan izin, specific deposits oleh koperasi-koperasi yang tidak memberikan faedah ke atasnya. Ini bermakna koperasi boleh menggalakkan ahli-ahlinya membuat pertaruhan tertentu dalam koperasinya untuk tujuan yang tertentu sahaja seperti deposit untuk membeli rumah, untuk pelajaran anak-anak mereka, untuk pelancongan dan sebagainya. Lain-lain jenis deposit tidak akan dibenarkan. Koperasi boleh membuat sedikit bayaran bulanan ke atas deposit ahli-ahli daripada keuntungan bersih koperasi dengan persetujuan mesyuarat agung.

Sekatan juga akan dibuat ke atas penubuhan pemilikan anak-anak syarikat oleh koperasi, begitu juga dalam penubuhan syarikat usaha-sama di antara koperasi dengan syarikat swasta. Hanya dalam keadaan tertentu sahaja koperasi boleh dibenarkan mendirikan syarikat usaha-sama seperti untuk mendapatkan bekalan, kemudahan pasaran di luar negeri dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, ada beberapa orang Ahli Parlimen menyentuh mengenai kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan api, air dan jalan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, menjelang akhir Rancangan

Malaysia Kelima adalah dianggarkan bahawa lebih kurang 80% daripada keseluruhan penduduk luar bandar akan dibekalkan dengan elektrik luar bandar, dan bagi bekalan air luar bandar adalah dianggarkan bahawa menjelang pada akhir Rancangan Malaysia Kelima lebih kurang 90% penduduk di luar bandar akan dapat menikmati bekalan air bersih.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya suka menyatakan bahawa hampir semua program dan rancangan yang dijalankan oleh Kementerian saya telah mencapai peringkat perkukuhan atau konsolidasi dan dari asas ini yang telah menjadi semakin kukuh usaha-usaha kita sekarang adalah tertumpu kepada pencapaian matlamat secara lebih berkesan supaya kumpulan sasaran akan menikmati faedah optima yang kita sama-sama mengharap-harapkan.

Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk menjawab secara satu persatu semua soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi tetapi segala teguran dan pandangan mereka akan diberikan penelitian dan pertimbangan. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama meluahkan buah fikiran mereka mengenai Kementerian saya dan telah menyokong peruntukan seperti yang dipohon.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$275,323,900 untuk Maksud B.56 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$275,323,900 untuk Maksud B.56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$693,407,460 yang disebutkan dalam Maksud P.56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$693,407,460 untuk Maksud P.56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tapan dan sembilan senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang

Undang-undang Perbekalan, 1988 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Dato Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah Usul di atas nama Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (22hb Oktober, 1987).

Perbahasan disambung semula.

6.27 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu

saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, Kluang dan Hulu Terengganu yang membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan Rang Undang-undang Peguambela Sarawak (Pindaan).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, pindaan-pindaan ini telah dibuat mula-mula atas inisiatif Hakim Besar Borneo dan seterusnya Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak dan juga dibawa untuk perundingan dan tiada apa-apa bantahan telah didapati mengenai pindaan-pindaan ini.

Pindaan kepada Seksyen 17 ialah untuk memberi kuasa kepada Hakim Besar Borneo dengan persetujuan Peguam Besar Negeri untuk membuat kaedah-kaedah tentang mengawasi prosiding terhadap peguambela yang gagal mematuhi apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Seksyen yang sama. Dalam berbuat demikian beliau tentu akan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara yang relevent dan berkaitan dan beliau bukan bertindak seorang tetapi dengan persetujuan Peguam Besar Negeri. Oleh kerana Jawatankuasa Siasatan akan menyiasat perkara-perkara tentang tertib maka tidak perlulah Persatuan Peguam-peguam di Sarawak diberi kuasa untuk mengendalikan kes-kes sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin Bin Haji Daud): Yang Berhormat, boleh sambung esok.

Dato' Oo Gin Sun: Baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30petang.